



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 16 - 22 FEBRUARI 2023

www.selangorkini.my

Bina dua lagi hospital awam

Selain pembukaan rasmi Hospital Tanjong Karang dan Hospital Cyberjaya yang dijadual siap dalam beberapa minggu lagi, kemudahan sama bakal dinikmati penduduk Klang dan Sepang. Pembinaan tersebut mampu atasi masalah kesesakan pesakit

MUKA 2

Negeri sedia biasiswa lanjut pengajian

Bantuan keseluruhan berjumlah RM8 juta Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri ditawarkan kepada pelajar peringkat ijazah sarjana muda hingga doktor falsafah. Inisiatif turut dibuka kepada penjawat awam Selangor

MUKA 2



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tengah) meneliti buku berjudul Warkah Dari Sungai Buloh yang disampaikan Presiden Universiti Selangor (Unisel) Profesor Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman (kiri) sambil diperhatikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (kanan) di Unisel Kampus Bestari Jaya, Kuala Selangor pada 9 Februari 2023. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ► BERITA MUKA 5

pancawarna

Kupasan keunikan Israk Mikraj

Mufti sorot peristiwa, pengajaran untuk umat Islam

12&13



Langkah menuju negeri pintar

Perincian strategi ke arah pendigitalan


10



Bront Palarae teruja dipilih Dain Said

Turun 14kg jiwai watak Norman dalam Harum Malam

9



Jelajah kebajikan mula 18 dan 19 Feb

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menganjurkan Jelajah #KITASELANGOR Penyayang (JKSP) bermula hujung minggu ini di daerah Klang dan Hulu Selangor.

Program kebajikan peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Selat Klang berlangsung pada 18 Februari di Pangsapuri Seri Perantau, Klang diikuti DUN Batang Kali di Oasis Batang Kali, Hulu Selangor pada 19 Februari.

Pelbagai aktiviti menarik ditawarkan sepanjang program yang menggabungkan konsep Jelajah Selangor Maju Bersama dan Jelajah Selangor Penyayang antaranya pameran, dialog awam, sukan rakyat dan Jelajah Ehsan Rakyat.

Fasa pertama jelajah dihadiri Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sehingga 19 Mac mulai 9 pagi hingga 5 petang manakala Rumah Terbuka Aidilfitri dan program Rewang Sekampung dianjurkan dalam fasa kedua JKSP pada 28 April hingga 14 Mei.

Lebih 3,000 hadir rumah terbuka

GOMBAK - Lebih 3,000 penduduk memerahkan rumah terbuka Tahun Baharu Cina peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua dan Parlimen Selayang di tapak pasar malam di sini pada 10 Februari.

Majlis diserikan dengan kehadiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Ahli Parlimen Selayang William Leong dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Taman Templer Sany Hamzan.

Amirudin yang juga wakil rakyat Sungai Tua berkata program itu acara tahunan dan dianjurkan bersekali Parlimen Selayang.

Menurutnya, acara seperti ini juga dapat mengekalkan tradisi hormat menghormati dalam kalangan rakyat.

"Dalam masa sama kita juga mengukuhkan kepercayaan antara satu sama lain,"katanya.

Pelbagai acara menarik diadakan antaranya persembahan tarian singa selain hidangan makanan halal antaranya ayam golek, nasi goreng dan keropok lekor.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Biasiswa lanjut pelajaran dibuka

SHAH ALAM - Anak Selangor yang mahu melanjutkan pengajian boleh memohon Biasiswa Khas Dato' Menteri Besar dan Pinjaman Boleh Ubah Luar Negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan permohonan tersebut khusus untuk mereka yang menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda hingga doktor falsafah.

Beliau menjelaskan tawaran menerusi Tabung Kumpulan Wang Bia-

siswa Negeri Selangor dibuka hingga 1 Mac.

"Moga dapat membantu mahasiswa mengejar impian masing-masing," katanya di Facebook pada 14 Februari.

Permohonan dibuka sejak 26 Januari untuk meneruskan pengajian ke 100 universiti terbaik dunia baik tempatan mahupun luar negara.

Dalam Belanjawan 2023, sebanyak RM8 juta diperuntuk bagi pembiayaan bantuan berkenaan seterusnya men-

jayakan lima program Peduli Siswa dan dua program khas.

Tahun lalu, seramai 627 pelajar memperoleh tajaan tersebut. Pembiayaan juga terbuka kepada penjawat awam negeri termasuk kontrak yang melanjutkan pengajian.

Semakan syarat kelayakan boleh disemak melalui pautan danpendidikan.selangor.gov.my/ atau hubungi 03-5521 2275, 03-5544 7543 serta e-mel tkwbns@selangor.gov.my

Atasi kesesakan pesakit

Bina hospital di Klang, Sepang

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Dua lagi hospital awam akan dibina di Kapar, Klang dan Sepang bagi mempertingkatkan kemudahan kesihatan kepada pesakit di Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pembinaan kedua-dua kemudahan itu membantu mengurangkan masalah kesesakan pesakit untuk jangka panjang.

"Dalam tempoh beberapa minggu lagi, Hospital Cyberjaya akan siap sepenuhnya. Kerajaan pusat juga akan

bina sebuah hospital di Kapar, Klang dengan kapasiti 300 katil.

"Pembinaan sebuah lagi hospital di Sepang turut dirancang. Usaha ini dapat mengurangkan tekanan kepada hospital sedia ada," katanya pada 10 Februari.

Amirudin menambah Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya SelCare turut menyediakan kemudahan kesihatan skala kecil iaitu klinik SelCare dan Farmasi SelCare untuk kemudahan rakyat.

"Pembinaan hospital bawah bidang kuasa kerajaan pusat, jadi kita (SelCare)

hanya dapat membantu kerajaan pusat setakat kita mampu," katanya.

Pada 9 Februari, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru Kementerian Kesihatan meneliti keperluan kesihatan awam di Selangor termasuk mengatasi tempoh menunggu lama untuk mendapat rawatan.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj yang berkenan merasmikan Hospital Tanjong Karang bertitah lebih tujuh juta penduduk negeri memerlukan kemudahan kesihatan lebih baik berserta kemudahan peralatan yang canggih.

Program kebajikan untuk rakyat

SUBANG JAYA - Rakyat Selangor disarankan memanfaatkan sepenuhnya program kebajikan disediakan Kerajaan Negeri, kata EXCO kerajaan tempatan dan pembangunan kampung baru.

Ng Sze Han berkata pelbagai program kebajikan disediakan termasuk skim air percuma 20 meter padu sebulan.

"Ramai ingat air percuma sudah tiada lagi, sebenarnya ia masih ada diberikan kepada kumpulan sasaran pendapatan keluarga tidak lebih

RM5,000 layak memohon dan dapat air percuma dari Kerajaan Negeri. Kalau nak mohon senang saja, pergi ke laman web Air Selangor.

"Selain itu Skim Insurans Am Selangor (INSAN) terbuka kepada semua warga Selangor layak dapat perlindungan sehingga RM10,000. Pendaftaran melalui aplikasi Wavpay," katanya pada 11 Februari.

Selain itu, katanya baucar beli-belah Skim Mesra Usia Emas (SMUE) di-

buka untuk pendaftaran dan tuntutan sepanjang tahun.

"Ini bermakna penerima manfaat tidak perlu tergesa-gesa untuk bergegas ke pusat khidmat masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana anda mempunyai masa mencukupi untuk tuntutan baucar tersebut," katanya.

Mulai tahun ini nilai baucar SMUE ditambah kepada RM150 dan had kelayakan pendapatan isi rumah ditingkatkan kepada RM3,000 sebulan.

RS-1 sedia projek manfaat semua

AMPANG JAYA - Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang menjadi kerangka pembangunan untuk tempoh lima tahun merangkumi lebih 200 projek untuk rakyat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha negeri memabitkan lebih RM200 bilion bermula tahun lalu meliputi pembangunan wilayah dan kawasan baharu dengan penekanan aspek ekonomi dan prasarana.

"RS-1 ada projek persekutuan seperti LRT (transit aliran ringan), projek swasta dan awam. Ada juga projek negeri seperti pendalaman Sungai Klang dan Skim Jaminan Air Mentah yang sempurna hujung tahun ini atau 2024 untuk elak pencemaran.

"Pembangunan untuk rakyat juga termasuk di Gombak. Kita cuba bangukan prasarana, gabungkan jaringan kemudahan dan jalur lebar untuk

kemudahan rakyat,"katanya.

Terdahulu, beliau hadir sambutan Tahun Baharu Cina peringkat parlimen Gombak dan Dewan Undangan Negeri Hulu Kelang di Taman Melawati pada 12 Februari.

Pada 2 Ogos tahun lalu, sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) meluluskan usul projek pembangunan RS-1 antara 2021 hingga 2025 berjumlah RM212.44 bilion.



Sultan Sharafuddin (tengah) bersama Tengku Permaisuri Norashikin berkenan melihat replika Hospital Tanjong Karang di Kuala Selangor pada 9 Februari. Turut hadir Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa (tiga, kanan) Foto REMY ARIFIN

Sultan rasmi Hospital Tanjong Karang

Penduduk terima khidmat pakar

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

KUALA SELANGOR - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor berkenan merasmikan Hospital Tanjong Karang di sini yang beroperasi sejak 10 Oktober tahun lalu.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dalam titahnya sukacita atas pembinaan kemudahan itu bagi memudahkan penduduk setempat menerima perkhidmatan yang lebih baik.

"Hospital ini menyediakan khidmat pakar dan memudahkan pesakit menerima perkhidmatan pakar berbanding sebelum ini bergantung kepada Hospital Sungai Buloh.

"Harapan Beta dengan siapnya hospital ini dapatlah mereda beban rakyat khususnya di Kuala Selangor," titah Baginda pada 9 Februari.

Sultan Sharafuddin bertitah pembukaan dewan bedah pertama di hospital itu pula mempercepat waktu menunggu pesakit untuk mendapatkan pembedahan kritikal.

Baginda bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin turut berkenan melawat sekitar hospital berkenaan.

Hadir sama, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim dan Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa.

Pembinaan hospital itu diluluskan

pada 2013 bawah Rancangan Malaysia ke-10 atas tanah seluas 16.1 hektar membabitkan kos RM269 juta.

Hospital itu menyediakan 10 perkhidmatan kepakaran secara berfasa meliputi perubatan kecemasan, bedah umum, obstetrik dan ginekologi, pediatrik serta ortopedik.

Perkhidmatan lain ialah anesthesiologi, radiologi, patologi, pergigian pediatrik dan bedah mulut selain otorinolaringologi, oftamologi, psikiatrik dan perubatan forensik.

Hospital itu juga digabungkan bersama Hospital Sungai Buloh dan Hospital Tengku Ampuan Jemaah, Sabak Bernam sebagai hospital Kluster Selangor Zon Utara.

Seru dapatkan dos penggalak

KUALA SELANGOR - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menyeru rakyat untuk mengambil dos penggalak pertama dan kedua bagi menerima perlindungan optimum daripada jangkitan Covid-19.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah perkara itu penting berikutan pergerakan kegiatan fizikal orang ramai semakin meluas dalam fasa peralihan endemik.

"Beta suka menasihatkan rakyat agar jangan leka dalam menjaga aspek kesihatan fizikal diri sendiri, ahli keluarga, komuniti dan masyarakat sekeliling.

"Kesihatan fizikal, mental dan kesejahteraan sosial antara perkara yang terjejas akibat wabak bahaya ini," titah Baginda dalam majlis perasmian Hospital Tanjong Karang di sini pada 9 Februari.

Baginda mengingatkan wabak itu bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi, malah dampaknya menjejaskan aspek kesihatan dan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Sejak 7 Januari, Kerajaan Negeri meneruskan program pemberian suntikan dos penggalak secara percuma menerusi program Vaksin Selangor (Selvax) menerusi 15 rangkaian Klinik Selcare dan The KL Clinic di negeri ini.

Jangan biar pesakit tunggu lama

KUALA SELANGOR - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menyeru Kementerian Kesihatan meneliti keperluan kemudahan kesihatan termasuk isu menunggu lama di hospital di negeri ini.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah Selangor memerlukan banyak kemudahan terkini bagi menampung bilangan penduduk yang melebihi tujuh juta.

Baginda bertitah mereka terpaksa menunggu lama di bahagian kecemasan sebelum dimasukkan ke wad berikutan ramai pesakit di klinik kesihatan.

"Masa menunggu untuk pembedahan dan rawatan lanjut juga mengambil masa berbulan-bulan. Beta memohon agar kelengkapan hospital dan klinik kesihatan diutamakan manakala jumlah doktor serta jururawat harus ditambah," titah Baginda pada 9 Februari.

Baginda bertitah perkhidmatan kesihatan di hospital perlu mempunyai sistem pengurusan baik dan cekap.

Usah sisih, bantu dapatkan rawatan

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menyeru semua pihak memainkan peranan untuk membantu individu yang ada masalah kesihatan mental untuk kembali pulih.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah mereka yang berdepan isu kemurungan atau keresahan melampau tidak wajar disisih sebaliknya mereka harus didorong untuk menjalani rawatan.

"Beta menyeru rakyat semua usahlah mengasingkan atau meletak stigma kepada mereka yang mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan dan keresahan melampau.

"Sama seperti individu mengalami penyakit fizikal, pesakit mental juga perlu dibantu dengan memberi rawatan sewajarnya," titah Baginda pada 9 Februari.

Turap jalan rosak besar-besaran

AMPANG JAYA - Pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini diminta mengenal pasti jalan kritikal di kawasan pentadbiran masing-masing yang perlu diturap menerusi projek turapan besar-besaran.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim berkata PBT perlu menyenaraikan jalan rosak bagi membolehkan tampalan dibuat mulai Mac depan.

"Peruntukan telah diluluskan dan kita minta setiap PBT muktamadkan kawasan mana terbabit sebelum hantar senarai jalan berlubang.

"Projek tampalan jalan mega ini bukan sekadar menampal sahaja tetapi menurap keliling yang berlubang. Kita jangka projek ini selesai dalam tempoh tiga bulan," katanya pada 12 Februari.



INSAN

SKIM INSURANS AM SELANGOR

SELANGOR MELINDUNGI ANDA DAN KELUARGA

SKIM INSURANS PERCUMA



- PERLINDUNGAN INSURANS AM BERKUMPULAN KEPADA **6 JUTA RAKYAT SELANGOR**
- DITAWARKAN KEPADA INDIVIDU BERUMUR BERMULA DARI **30 HARI SEHINGGA 80 TAHUN**
- PERLINDUNGAN INSURANS SEHINGGA **RM10,000** UNTUK HILANG KEUPAYAAN KEKAL DAN KEMATIAN DISEBABKAN KEMALANGAN

PENDAFTARAN BERMULA PADA **1 OKTOBER 2022** SEHINGGA **30 SEPTEMBER 2023**

TEMPOH INSURANS SELAMA **12 BULAN** DARI TARIKH POLISI DIKELUARKAN

PENDAFTARAN MELALUI APLIKASI **WAVPAY** E-WALLET

*TERTAKLUK KEPADA TERMA & SYARAT






ADAKAH ANDA LAYAK UNTUK MENDAFTAR?



ANDA LAYAK JIKA
NOMBOR KAD PENGENALAN ANDA DIDAFTARKAN DI NEGERI SELANGOR



ATAU
ALAMAT TERKINI ANDA DIDAFTARKAN DI DALAM NEGERI SELANGOR



ATAU
ANDA ADALAH PENGUNDI UNTUK NEGERI SELANGOR

BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR?

1



MUAT TURUN, PASANG DAN DAFTAR AKAUN APLIKASI WAVPAY E-WALLET



2



KLIK PADA BANNER PROGRAM

3



LENGKAPKAN MAKLUMAT SEHINGGA PROSES SELESAI

Khidmat Pelanggan

Talian 1 +60162504199
 Talian 2 +60164354199
 Talian 3 +60164474199
 Talian 4 +60162534199
 Talian 5 +60162514199

E-mel: Insanbantuan@wavpay.net
 Info lanjut, sila layari www.wavpay.net

Imbas untuk muat turun aplikasi



Daftar skim insurans perlindungan RM10,000

SHAH ALAM - Penduduk di negeri ini dipelawa mendaftar Skim Insurans Selangor (INSAN) yang memberi perlindungan sehingga RM10,000 mulai 1 Oktober tahun lalu.

Perlindungan insurans berkumpulan yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ditawarkan kepada individu berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan.

Pendaftaran dibuka sehingga 30 September 2023. Maklumat lanjut layari laman sesawang www.wavpay.net

Berikut langkah-langkah mendaftar INSAN:

- Muat turun aplikasi e-dompet Wavpay App Store atau Google Play
- Daftar sebagai pengguna Wavpay, isi butiran peribadi termasuk gambar depan dan belakang MyKad
- Selepas berjaya daftar, klik pada imej program INSAN
- Lengkapkan maklumat hingga selesai
- Pemohon berjaya boleh akses e-sijil insurans

10 bidang perkhidmatan pakar

Pesakit dapat rawatan terbaik

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KUALA SELANGOR - Pembukaan Hospital Tanjong Karang memberi peluang kepada lebih ramai penduduk di kawasan utara negeri ini mendapat perkhidmatan kesihatan terbaik.

Ahli Dewan Negeri Permatang Rozana Zainal Abidin berkata penduduk khususnya golongan berpendapatan rendah (B40) yang ramai di kawasan itu ternanti-nanti kemudahan itu sejak sekian lama.

“Operasi hospital ini sememangnya ditunggu-tunggu oleh penduduk khususnya sekitar Tanjong Karang.

Awal tahun ini, ia menjadi satu realiti selepas pecah tanah pembinaan hospital dimulakan pada 2013.

“Dengan wujudnya hospital ini, ia memudahkan mereka mendapat perkhidmatan kesihatan lebih baik,” katanya selepas majlis ramah mesra bersama Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa di sini pada 9 Februari.

Pertemuan sejam di pusat khidmat masyarakat Permatang antara lain membincang isu masa menunggu lama, pengurusan jenazah dan suntikan vaksin.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan merasmikan

hospital tersebut yang beroperasi sejak Oktober tahun lepas.

Pembinaan hospital berkenaan diluluskan pada 2013 bawah Rancangan Malaysia ke-10 di tanah seluas 16.1 hektar yang menelan kos RM269 juta.

Hospital itu menyediakan 10 perkhidmatan kepakaran secara berfasa meliputi perubatan kecemasan, bedah umum, obstetrik dan ginekologi, pediatrik serta ortopedik.

Perkhidmatan lain ialah anesthesiologi, radiologi, patologi, pergigian pediatrik dan bedah mulut selain otorinolaringologi, oftamologi, psikiatrik dan perubatan forensik.

WAKTU SOLAT	16 - 22 FEBRUARI 2023 25 REJAB - 1 SYAWABAN 1444	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
16 Khamis	6:09	6:19	7:25	1:30	4:49	7:29	8:39	6:09	6:19	7:26	1:31	4:49	7:30	8:41	6:11	6:21	7:27	1:32	4:51	7:31	8:42	
17 Jumaat	6:08	6:18	7:25	1:30	4:49	7:29	8:39	6:08	6:18	7:26	1:31	4:49	7:30	8:41	6:11	6:21	7:27	1:32	4:51	7:31	8:42	
18 Sabtu	6:08	6:18	7:25	1:30	4:48	7:29	8:39	6:08	6:18	7:26	1:31	4:49	7:30	8:41	6:11	6:21	7:27	1:32	4:51	7:31	8:42	
19 Ahad	6:08	6:18	7:25	1:30	4:48	7:29	8:39	6:08	6:18	7:26	1:30	4:48	7:30	8:40	6:11	6:21	7:27	1:32	4:50	7:31	8:42	
20 Isnin	6:08	6:18	7:24	1:30	4:48	7:29	8:39	6:08	6:18	7:25	1:30	4:48	7:30	8:40	6:11	6:21	7:26	1:32	4:50	7:31	8:41	
21 Selasa	6:08	6:18	7:24	1:30	4:47	7:29	8:39	6:08	6:18	7:25	1:30	4:47	7:30	8:40	6:10	6:20	7:26	1:32	4:50	7:31	8:41	
22 Rabu	6:08	6:18	7:24	1:30	4:47	7:29	8:39	6:08	6:18	7:25	1:30	4:47	7:30	8:40	6:10	6:20	7:26	1:32	4:49	7:31	8:41	

Generasi muda kekuatan baru negara

Tolak fahaman jumud, kolot

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

KUALA SELANGOR - Tiba masanya generasi muda bangkit dengan satu kekuatan sekali gus menolak fahaman jumud dan kolot yang merugikan bangsa, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerangka pemikiran mereka mesti berteras kepada dasar kekuatan dan nilai kemanusiaan seiring kemajmukan masyarakat negara ini.

"Anak-anak Melayu yang pintar bersama anak-anak Cina, India, Iban, Kadazan bangkit sebagai kekuatan bangsa yang mempertahankan akidah.

"Pertahankan nilai, pertahankan akhlak, pertahankan kebenaran dan keadilan. Bangkit sebagai kekuatan baharu masyarakat madani di Malaysia," katanya dalam Syarahan Ulung

Kursi Siddiq Fadzil selain merasmikan Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil di Unisel Kampus Bestari Jaya pada 9 Februari.

Anwar berkata kerangka pemikiran sedemikian bukan hanya menyatupadukan rakyat sebaliknya turut memberi keyakinan kepada kaum dan agama selain membawa kekuatan negara.

"Kita bicara soal madani, pertumbuhan, reformasi pendidikan. Apakah kerangka pemikiran dasarnya? Jika tidak ada, kita hanya menerobos, meminjam. Apa identitinya yang jadi pegangan kita yang membawa perubahan dalam negara.

"Guiding ideas' mesti berteras kepada keyakinan sama ada menggunakan istilah akidah, ideologi atau doktrin. Kemudian diterjemah dalam bentuk dasar yang berdasarkan nilai dan akhlak.

"Ini kekuatan Siddiq Fadzil (Allahyarham Dato' Dr Siddiq Fadzil) yang membicarakan soal Islam dan Melayu, memilih untuk menjelaskan semula dalam karya kecil tetapi bernilai," katanya.

Sementara itu, Dato' Menteri Besar yakin kewibawaan Anwar sebagai perdana menteri ke-10 bakal membina Malaysia yang lebih baik dan bersatu padu.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata kepemimpinan Anwar mentadbir membawa hala tuju jelas kepada negara, rakyat, kaum dan keturunan sekali gus membentuk permuafakatan.

"Saya percaya dengan kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai perdana menteri ke-10 dan akan diserlahkan lagi dengan ucapan beliau selaku ucapan ulung pertama Kursi Siddiq Fadzil yang bawa hala tuju jelas kepada negara," katanya.

RM1 juta untuk Kursi Siddiq Fadzil

KUALA SELANGOR - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan sumbangan RM1 juta untuk Kursi dan Institut Pemikiran dan Kepimpinan Siddiq Fadzil yang ditubuhkan Universiti Selangor (Unisel).

Beliau menjelaskan sumbangan itu bagi memartabat pemikiran tokoh berpengaruh dalam bidang akademik dan kebudayaan Melayu iaitu Almarhum Dato' Dr Siddiq Fadzil.

"Kerajaan tambah RM1 juta untuk kursi ini dan ia boleh dikembangkan lagi," katanya pada 9 Februari.

Selangor menyediakan peruntukan RM1 juta dalam Belanjawan 2022 untuk penubuhan kursi dan institut tersebut sebelum disusuli tambahan dana RM4 juta.

Anwar juga mengucapkan tahniah kepada pimpinan Unisel berikutan institusi tajaan Kerajaan Negeri itu mampu bersaing dengan universiti lain.

Universiti tajaan Kerajaan Negeri itu menjadi institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan pertama dikunjungi perdana menteri ke-10.

Sebelum ini, Anwar tiga kali berkunjung ke Unisel iaitu pada 2009, 2018 dan 2022.

**Klang
Flat Seri Perantau**

**18 Februari 2023
Sabtu, 9 pagi - 5 petang**

**Hulu Selangor
Oasis Batang Kali**

**19 Februari 2023
Ahad, 9 pagi - 5 petang**



Jolajah

#KitaSelangor
Penyayang

Tambah bilangan doktor gigi

KUALA SELANGOR - Kementerian Kesihatan akan menempatkan lebih ramai doktor gigi bagi menangani isu kesesakan pesakit di klinik kesihatan dan hospital kerajaan.

Menterinya Dr Zaliha Mustafa berkata pihaknya turut mengadakan libat urus dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan bagi membincangkan perkara tersebut.

"Kita memahami isu kekurangan doktor gigi selain masalah berkaitan kemudahan kesihatan. Pengambilan doktor gigi bertambah tiga kali ganda sejak dua tahun lepas dengan 477 doktor pada 2022 berbanding 154 tahun sebelumnya.

"Usaha ini (pengambilan doktor gigi) masih dijalankan dan kita akan menempatkan lebih banyak doktor gigi pada tahun ini," katanya pada 9 Februari.

Anjur sidang niaga negeri di hotel

SHAH ALAM - Skala penganjuran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) pada tahun ini lebih besar berikutan sambutan menggalakkan tahun lalu.

EXCO pelaburan berkata ekspo itu juga dijalankan di Hotel Traders dan Hotel Grand Hyatt selain ruangan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bagi menampung kehadiran pengunjung.

"Selepas melihat kejayaan tahun lalu, kita yakin pertumbuhan lebih menggalakkan. Jadi kita rancang tambah lagi ruang melibatkan hotel berhampiran KLCC.

"Ruangan KLCC dikhas untuk pameran manakala hotel untuk program persidangan. Perkara ini masih dalam rundingan," kata Dato' Teng Chang Khim pada 10 Februari.

Bantu daftar pengasuh di rumah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan berbincang dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memberi kelonggaran kepada pengasuh dari rumah untuk berdaftar.

EXCO Pembangunan Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud berkata beliau mendengar keluhan pengasuh dari rumah yang mendakwa sukar mendapat kelulusan PBT berikutan kerenah birokrasi dan caj mahal.

"Saya telah bertemu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk selesaikan hal ini seterusnya merujuk hal ini kepada Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT)," katanya pada 11 Februari.

Beliau menjelaskan KPKT telah memberi kebenaran kepada Kerajaan Negeri untuk mengubah syarat kebenaran tersebut bagi meringankan beban pengasuh dari rumah untuk berdaftar.

Naik taraf prasarana hospital

SHAH ALAM - Kementerian Kesihatan perlu diberi peruntukan tambahan dalam Belanjawan 2023 bagi memperkukuh sistem kesihatan negara.

EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud berkata dana itu boleh menambah baik kemudahan di hospital dan klinik kerajaan selain menambah bilangan petugas kesihatan sekali gus mengurangkan beban kerja mereka.

"Saya harap lebih banyak peruntukan diberi kepada Kementerian Kesihatan untuk menyelesaikan isu menung-

gu lama dan kesesakan di hospital.

"Rakyat perlu dapatkan perkhidmatan terbaik, manakala kebijakan petugas kesihatan perlu dijaga," katanya dalam majlis perasmian Forum Sembang Sihat Wanita Berdaya Selangor di sini pada 11 Februari.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijadual membenteng Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat pada 24 Februari.

Dr Siti Mariah yang juga EXCO pembangunan wanita dan keluarga turut

mencadangkan supaya kerajaan membentuk dasar khas bagi meningkatkan bilangan perwakilan wanita dalam politik.

Menurutnya, ia perlu dilaksanakan bagi mencapai sasaran 30 peratus wanita dalam Parlimen seperti dicetuskan sejak kira-kira 30 tahun lalu.

"Sudah tiba masanya kerajaan serius dalam pemeraksanaan wanita dalam politik. Saya harap perkara ini perlu ditambah baik dalam sistem pilihan raya, sebagai contoh," katanya.

Lebih banyak pesawat

Pameran udara skala besar

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Pameran Udara Selangor (SAS) kali ketiga yang dijadual berlangsung pada tahun ini dijangka menggamit lebih banyak penyertaan syarikat penerbangan dan pengunjung.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim yakin pihaknya dapat menguruskan penganjuran itu meski ruang besar diperlukan bagi menampung kehadiran pengunjung dari dalam dan luar negara.

"Program bakal berlangsung di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark (Skypark RAC), Subang dengan saiz lebih besar berbanding dua penganjuran terdahulu.

"Bagaimanapun lokasi agak terhad kerana kita memerlukan ruangan besar. Kita yakin mampu menguruskannya. Kita akan pastikan banyak pesawat dapat dipamer," katanya pada 10 Februari.

Bermula 2021, Kerajaan Negeri menganjurkan SAS bagi menggalakkan pertumbuhan sektor aeroangkasa selain

menyediakan platform kepada syarikat tempatan serta usahawan industri kecil dan sederhana meneroka bidang itu.

Usaha menerusi pelaksanaan Pelan Tindakan Aeroangkasa kendalian Pejabat Koordinasi Industri Angkasa Selangor Darul Ehsan (S-DAICO) itu seiring sasaran negeri sebagai pemain utama aeroangkasa menjelang 2030.

Penganjuran pada 8 hingga 10 September tahun lalu mencatat potensi nilai transaksi RM1.174 bilion manakala SAS 2021 merekod RM100 juta.

Tawar kursus kecerdasan buatan

SHAH ALAM - Sekolah Digital Selangor (SDS) akan menyediakan pembelajaran teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam tawaran kursus seiring peredaran zaman.

EXCO Industri dan Perdagangan Dato' Teng Chang Khim berkata rundingan dengan pakar teknologi tersebut dibuat bagi memastikan matlamat penubuhan sekolah itu tercapai.

"Sebelum ini, kita mahu jadikan SDS

sebagai platform pembelajaran digital dan teknologi tetapi seiring keperluan masa, kita tambah teknologi AI dalam kursus.

"Perkara ini sedang digubal. Kita akan kemuka kepada Kerajaan Negeri sebelum sekolah dibuka secara rasmi," katanya pada 10 Februari.

Penubuhan SDS diumumkan dalam Belanjawan Selangor 2022 bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan

sektor digital.

Dikendalikan Perbadanan Teknologi Maklumat & Ekonomi Digital Selangor (Sidec), pusat tersebut mengadakan pengajian peringkat sijil, diploma hingga sarjana.

Pada Mac tahun lalu, memorandum persefahaman (MoU) penubuhan sekolah itu dimeterai antara Universiti Selangor (Unisel) dan The Hive Asia Tenggara (The Hive SEA).

CEPat rekod dua juta transaksi

SHAH ALAM - Seramai 103,655 pengguna berdaftar dengan aplikasi pembayaran elektronik berpusat Citizen E-Payment (CEPat) sejak diperkenalkan pada 2019.

Pengarah Urusan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) Ahmad Akmal Hamzah berkata penggunaan aplikasi tanpa tunai itu membabitkan 2.18 juta transaksi setakat 31 Disember tahun lalu.

"Penggunaan aplikasi bertambah dari masa ke semasa. Kita terus per-

giat promosi supaya lebih ramai rakyat memuat turun dan menggunakannya," katanya pada 7 Februari.

Ahmad Akmal menjelaskan pihaknya juga akan memperkenalkan modul pembayaran cukai tanah dan petak sebagai fungsi tambahan dalam aplikasi tersebut.

"Untuk tambah baik, kita akan lancarkan modul pembayaran oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS). Bagi SSDU, kita sudah bersedia, cuma tunggu pengumuman PTGS bila ia

boleh mula digunakan," katanya.

Dilancar pada 1 Ogos 2019, CEPat menawarkan pelbagai kemudahan antaranya permohonan lesen, bayaran cukai taksiran, kompaun, parkir dan bil utiliti.

Sehingga kini, ada 62 perkhidmatan ditawarkan meliputi 11 pihak berkuasa tempatan dan tujuh medium pembayaran tersedia untuk pilihan pengguna.

Transaksi berkenaan boleh dimuat turun melalui PlayStore bagi pengguna Andorid dan AppStore bagi iOS.

RM700 juta diraih KSSB dikembalikan kepada rakyat

Hampir RM700 juta hasil diperolehi Kerajaan Negeri menerusi Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) dikembalikan kepada rakyat Selangor menerusi pelbagai program di bawah Itizam Selangor Penyayang.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata, ia merupakan hasil pengeksploasian, pengekstrakan, pengeluaran dan penjualan pasir, bahan batuan serta sumber mineral sejak anak syarikat itu beroperasi pada 2008.

Menurut Amirudin, berbanding tahun sebelumnya, aktiviti perlombongan dilihat tidak terkawal dengan pulangan tidak berbaloi

kepada kerajaan dan sering dikaitkan dengan isu keselamatan serta pencemaran alam sekitar.

"Justeru KSSB diwujudkan demi untuk menjamin apa yang dipanggil kelestarian kehidupan dan kelestarian sektor industri terbabit supaya kita sama-sama dapat berkembang.

"Pada masa sama, kita juga hendak pastikan negeri ini lestari, bukan sahaja untuk dapatkan kerja dan bangunkan perniagaan tetapi kita juga pastikan kelestarian, selain kesejahteraan kehidupan, dengan peraturan yang kita tetapkan di samping memastikan sumber mineral ini tidak mudah dihabiskan dalam tempoh yang pendek.

"Sebagai Kerajaan Negeri, kita melaksanakan dengan penuh tanggungjawab agar kelestarian itu dapat dijamin kerana tidak guna kalau kita berkejar pada satu masa habiskan sumber ini dengan ribuan kaedah yang tidak baik, melanggar peraturan alam sekitar dan akhirnya mengganggu kualiti kehidupan kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Perlombongan KSSB 2023 di Tropicana Golf & Country Resort di Petaling Jaya pada 9 Februari.

Katanya, industri perlombongan pasir, bahan batuan dan sumber mineral memainkan peranan penting dalam menyumbang bahan untuk

membangunkan infrastruktur seperti jalan raya, perumahan, bangunan dan lain-lain.

KSSB mengubah tanggapan masyarakat terhadap industri perlombongan dengan kejayaan menguruskan penerokaan, pengekstrakan, pengeluaran, pengedaran pasir, bahan batuan dan sumber mineral dengan lebih sistematik serta terkawal.

Maklum balas positif itu diraih berikutan KSSB menggunakan kaedah mesra alam seperti penggunaan teknologi tinggi bagi memastikan aktiviti perlombongan dijalankan secara mampan dan terurus.



KSSB rai penerima anugerah perlombongan 2023

LAPAN syarikat terlibat aktiviti pengeksploasian, pengekstrakan, pengeluaran dan penjualan pasir, bahan batuan serta sumber mineral menerima anugerah kategori masing-masing pada majlis Anugerah Perlombongan KSSB 2023.

Majlis yang disempurnakan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari menyaksikan Sg. Rambai Trading Sdn Bhd menggondol anugerah khas menyiapkan kolam takungan HORAS 600.

Pengarah Urusannya, Dato' Jared Tan Soon Seng menyifatkan kejayaan menyiapkan projek Horas 600 yang berkeluasan 550 ekar dalam tempoh lima tahun cukup bermakna kepada syarikatnya.

Katanya, antara cabaran utama projek yang disiapkan pada 2018 ini, adalah memastikan kelestarian alam sekitar tidak terjejas.

"Bangga dan gembira dengan anugerah diberi Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) ini kerana terlibat

dalam usaha yang sangat penting supaya bekalan air di Selangor cukup," katanya kepada media pada majlis berprestij di Tropicana Golf & Country Resort di Petaling Jaya pada 9 Februari.

Majlis sama turut memberi pengiktirafan kepada Hasil Perangsang Holdings Sdn Bhd sebagai penyumbang jualan tertinggi.

Manakala enam lagi menerima anugerah prestasi cemerlang, Bersia Engineering Services (M) Sdn Bhd, Junhern Resources Sdn Bhd, Aras Metal Sdn Bhd, Jarom Angkut Sdn Bhd, CST Mining Sdn Bhd dan Mara Majumas Sdn Bhd.

Sementara itu, Pegawai Kewangan Negeri yang juga Pengerusi Syarikat KSSB, Dr. Ahmad Fadli Ahmad Tajuddin berkata, anugerah ini diadakan berikutan peranan dimainkan pihak terbabit yang membawa KSSB meraih pelbagai kejayaan sejak ditubuhkan hampir 15 tahun lalu.

"Atas usaha bersama rakan niaga

yang diraikan malam ini, KSSB telah mengharumkan nama Selangor dan Malaysia kerana berjaya merangkul tempat pertama anugerah kategori Amalan Terbaik Dalam Pembangunan Mineral yang Mampan (Pengedaran Mineral Bukan Logam) di 2nd ASEAN Mineral Awards (AMA) di Bangkok, Thailand pada tahun 2019," ucapnya.

Selain meraih pelbagai anugerah dan pengiktirafan, konglomerat ditubuhkan pada 26 Jun 2008 itu juga berjaya mengembangkan operasi perniagaan ke negeri lain pada akhir 2016 sebelum kali pertama memasuki pasaran eksport pasir ke luar negara pada Oktober 2017.

Kejayaan demi kejayaan ini merupakan hasil kerja keras KSSB yang sentiasa mementingkan proses perlombongan bersistematik dan pemantauan kesan alam sekitar melalui khidmat perundingan dalaman KSSB Consult.

Langkah ini demi memastikan operasi KSSB dijalankan dengan

mematuhi skim yang betul berdasarkan laporan mengenai penilaian kesan alam sekitar (EIA) diluluskan Jabatan Alam Sekitar.

"KSSB turut melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai, muka sauk, loji rawatan air, kolam takungan banjir dan program tebatan banjir di sekitar Selangor dengan hanya berbekalkan model perniagaan penjualan pasir.

"Selain mempunyai pasukan dalaman yang menyediakan laporan pemantauan alam sekitar (EMR), pasukan tersebut juga menyediakan pensampelan air kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) yang memantau semua kolam, sungai dan perlombongan setiap bulan," katanya lagi.

Sumbangan penting lain KSSB kepada negeri termasuklah melaksanakan kerja-kerja pembinaan Kolam Takungan Utama bagi sumber air alternatif (HORAS 600) dan Kolam Takungan Hiliran (ORS).

Mohon bantuan yuran pengajian

SHAH ALAM - Permohonan bantuan yuran pengajian institut pengajian tinggi awam dan swasta bagi pelajar komuniti India B40 dibuka sehingga 24 Februari.

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) menerusi hebahan poster jawatankuasa tetap kerajaan prihatin memaklumkan bantuan itu menawarkan pembayaran yuran maksimum sehingga RM5,000 bagi ijazah sarjana muda dan diploma (maksimum sehingga RM3,000).

"Pemohon mestilah dalam tempoh pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dari seluruh Malaysia yang diiktiraf kerajaan," katanya pada 8 Januari.

Borang permohonan boleh didapati di pejabat EXCO kebajikan masyarakat, pekerja dan kerajaan prihatin, tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah atau hubungi 03-5544 7307/7305, 017-348 4172.

Peniaga kecil sertai jualan murah

SUBANG JAYA - Jelajah Ehsan Rakyat (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Seri Serdang di perkarangan Masjid Al Quddus di sini mencipta kelainan apabila turut disertai peniaga kecil.

Pegawai khas (kebajikan) kepada wakil rakyatnya Islahuddin Ismail berkata pihaknya mahu mencipta kelainan selain membuka peluang perniagaan kepada rakyat.

"Tahun ini, untuk menggalakkan lebih ramai orang datang, kami telah menjemput beberapa peniaga kecil untuk membuka jualan di program JER.

"Kita mahu cipta kelainan dan memerah suasana, di samping membantu rakyat menjana ekonomi," katanya pada 12 Februari.

Saran pengunjung bawa beg sendiri

HULU LANGAT - Pengunjung Jelajah Ehsan Rakyat disaran membawa beg guna semula untuk mengisi barangan yang dibeli walaupun Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) membekal beg plastik.

Pegawainya Nazira Ahmad berkata kerjasama pelanggan membawa beg sendiri dapat mengurangkan penggunaan beg plastik untuk mengisi beras dan minyak masak walaupun barangan siap dibungkus.

Beliau berkata pihaknya mengenakan caj 20 sen sekiranya pelanggan meminta beg plastik tambahan untuk mendidik mereka membawa beg sendiri sekali gus menjayakan kempen bebas plastik anjuran Kerajaan Negeri.

"Pengunjung hanya perlu membawa beg sendiri untuk memasukkan barangan jika beli banyak. Jika masih perlukan beg plastik (tambahan) kita kenakan bayaran 20 sen bagi setiap beg," katanya pada 9 Februari.

Asteroid besar Everest hentam bumi

SHAH ALAM - Hentaman asteroid pada 66 juta tahun lalu di Semenanjung Yucata, Mexico melepaskan tenaga setanding 900 bilion bom yang meletup di Hiroshima, Jepun dalam Perang Dunia Kedua.

Edisi 23 Februari - 1 Mac memapar kupasan kolumnis Zamir Mohyedin mengenai pelanggaran asteroid berdiameter 10km iaitu lebih besar daripada gunung Everest hingga menyebabkan dinosaur pupus.

Hentaman itu meninggalkan kerak seluas 100 kilometer dan sedalam hampir 30 kilometer di Semenanjung Yucata serta menghasilkan gempa bermagnitud 12 Richter iaitu skala yang tidak pernah dihadapi manusia zaman moden.

Gempa itu menyebabkan gunung berapi meletus. Debu-debu dan asap kebakaran akibat hentaman menutup atmosfera Bumi menyebabkan iklim menjadi sejuk lantaran sinaran matahari tidak dapat menembusi.

Udara bertoksik dan hujan asid memutuskan rantaian makanan hingga menyumbang kepada kepupusan dinosaur.

Pancawarna juga menyiarkan rangkuman peristiwa penting sukan di Stadium Shah Alam antaranya perlawanan akhir Piala Malaysia 1994 yang menyaksikan kemunculan terakhir pasukan Singapura di persada bola sepak tanah air.

Skuad Manchester United bimbingan Sir Alex Ferguson juga bertandang ke situ pada 1995 un-

tuk dua aksi persahabatan dengan Pilihan Selangor. Kelab ternama lain yang turut beraksi antaranya Chelsea, Barcelona dan Bayern Munich.

Selain itu, sisipan juga memuatkan kisah pasangan suami isteri yang memiliki kerjaya cemerlang sebagai arkitek berhenti kerja pada 2021 lantaran minat mendalam terhadap perniagaan dengan mengusahakan perniagaan kain ela.

Mengasas jenama Kalima Textile, Tabizi Tahir, 38 dan Tina Rashidi, 33, memilih fesyen busana sopan yang sering digayakan beberapa selebriti antaranya Neelofa, Amera Khan, Intan Najwa, Ella, Sherry Ibrahim dan Nabila Razali.



Tambah kuantiti ayam ditambah

Sistem nombor mudah beli barang

Oleh **SHAMZ JOHAN**

GOMBAK - Pelaksanaan sistem nombor giliran memudahkan pengunjung untuk membeli barangan keperluan harian dalam program jualan murah kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

Hamizan Abd Hamid, 57, menyifatkan pengurusan program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) semakin baik seterusnya melancarkan proses pembelian.

"Saya tunggu (giliran) sejak jam 8.30 pagi, walaupun ramai, pengurusan makin baik, sistem nombor giliran melicinkan proses jualan.

"Saya harap penambahbaikan dapat

dibuat pada masa depan, mungkin tambah petugas untuk kawal pengunjung yang beratur," katanya.

Pelajar Nurul Ashikin Saiful, 18, dan ibunya pula berpuas hati dapat membeli barangan

harga murah meski terpaksa beratur tiga jam dalam JER peringkat Dewan Undangan Negeri Sungai Tua pada 7 Februari.

"Saya dan ibu tiba jam 8 pagi, selepas tiga jam baru sampai giliran kami. Apapun kami berpuas hati dengan harga murah, dapat penuhi keperluan kami sekeluarga," katanya.

Suri rumah Siti Salmiah Taslim, 71, yang lima kali membeli melalui JER

gembira dapat membeli telur dengan harga 30 peratus lebih murah berbanding di pasaran.

"Kalau boleh tambah laluan khas untuk warga tua dan kurang upaya. Juga tambah produk harian seperti tepung, susu dan gula," katanya.

Pengurus tapak samaian Bahagian Perladangan Tapak Semaian Ladang PKPS Sungai Tengi berkata kuantiti ayam dalam program itu ditambah daripada 300 kepada 500 ekor.

Menjelaskan ayam dan telur antara pilihan utama penduduk dan cepat habis, Irwan Sariman Abdul Hamid berkata semakin ramai penduduk termasuk warga emas peka dengan hebahan program berkenaan.



Program buruan suri rumah

SHAH ALAM - Tidak terkira jumlah suri rumah Suzana Hashim, 42, mengunjungi program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) sejak dua tahun lalu.

Sepanjang tempoh itu, beliau bukan saja mengikuti program JER berhampiran kediamannya malah 'memburu' ke program sama di lokasi lain.

la dilakukannya kerana harga barangan dalam program berkenaan

murah serta berkualiti.

"Setiap kali JER diadakan di sini, saya pasti datang. Sudah dua tahun saya beli barangan dalam program ini, tak terkira berapa kali saya pergi ke program tersebut.

"Saya juga mengikuti program JER di Dewan Undangan Negeri (DUN) lain biasanya tidak jauh dan berhampiran kawasan rumah," katanya di perkarangan Masjid Al Bakri Kampung Bukit Naga di sini pada 7 Februari.

Suzana mengikuti perkembangan jualan murah menerusi Facebook PKPS selain sebaran menerusi kumpulan WhatsApps komuniti.

Seorang lagi suri rumah Afidah Saidon, 39, terkejut apabila mendapati kualiti barangan yang ditawarkan setanding produk di pasar raya ketika kali pertama ke program tersebut.

"Saya harap jualan murah ini diteruskan sampai bila-bila, terutama menjelang Ramadan dan Aidilfitri," katanya.



Layar seram Harum Malam

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Selepas filem Bunohan menemui penonton pada 2011, Bront Palarae sekali lagi menjadi taruhan bagi naskhah terbaharu sutradara terkenal tanah air, Dain Said menerusi Harum Malam.

Menyedari pengarah prolific seperti Dain hanya menghasilkan filem setiap lima atau enam tahun sekali, Bront enggan terlepas peluang membintangi filemnya yang dianggap berkualiti dan sering menyertai pelbagai festival filem antarabangsa.

Pemilik nama sebenar Nasrul Suhaimin Saifuddin amat berbesar hati menyambut tawaran membawakan watak Norman walau menyedari penonton mungkin akan terimbas persamaan watak lakonannya untuk sebuah produksi Indonesia sebelum ini.

“Saya kena ambil tawaran ini. Dulu saya mahu berlakon dalam Interchange tapi tak ada rezeki. Kitaran akan datang, kalau Dain buat filem, mungkin saya hanya layak bawa watak atuk sahaja,” katanya kepada Selangorkini, baru-baru ini.

Bront mengakui beliau ada melakukan perbincangan dengan Dain di belakang tabir untuk menjadikan watak Norman berbeza dengan karakter Bapak yang dilakonkannya dalam filem seram terkenal Indonesia, Pengabdi Setan. Mana tidaknya, kedua-dua watak ini memegang persamaan karakter seorang bapa yang tinggal di sebuah rumah flat.

“Walau ada persamaan, namun pembawakan kedua-dua karakter ini sangat berbeza. Watak ‘Bapak’ dalam Pengabdi Setan lahir daripada kelas sosial kaya yang kemudian jatuh miskin. Ia berbeza dengan watak Norman dalam Harum Malam yang memang berasal daripada keluarga kelas pertengahan. Kedua-dua karakter ini juga mempunyai tujuan dan aspek psikologi yang berbeza.

“Saya dan Dain melakukan beberapa perbincangan semasa latihan dan ia sangat membantu untuk kami mewujudkan beberapa elemen lain. Saya boleh katakan ia sebuah duet mencari titik tengah agar kedua-dua pihak gembira,” katanya.

Dain membawakan genre seram untuk filem Harum Malam yang mana ia mengisahkan seorang kanak-kanak bernama Iqbal yang memiliki keistimewaan boleh melihat makhluk halus.

Kelebihan berkenaan membuatkan Iqbal sering ketakutan sehingga terjebak dalam satu misteri kematian di rumah pangsa tempat tinggalnya.

Pelakon Lelaki Terbaik Festival Filem

Malaysia ke-23 ini juga mendedahkan beliau tampil berbeza secara fizikal untuk Harum Malam. Dalam tempoh beberapa bulan, Bront berjaya menurunkan berat badan sehingga 14 kilogram (kg).

“Sebelum masuk set, memang kami ada lima minggu untuk lakukan persediaan. Waktu itulah saya diet dan berjaya turunkan berat badan daripada 85 kg kepada 71 kg. Kira-kira dalam 14 kg jugalah saya hilang untuk Harum Malam.

“Selain itu, tiada apa-apa cabaran berat. Paling tak pun cuba mencari keserasian dengan pelakon-pelakon baharu dalam tempoh yang singkat,” jelasnya.

Memahami penonton

Sudah tujuh tahun anak kelahiran Kedah ini mencipta nama di dunia lakon layar Indonesia. Bermula dengan filem Headshot arahan Joko Anwar pada 2016, Bront kemudian diberi kepercayaan membintangi beberapa filem lain seperti Gundala, Ayat-Ayat Cinta 2, dan terkini Pengabdi Setan 1 dan 2.

Bront berharap Harum Malam dapat menciptakan magis yang tersendiri memandangkan Dain cukup bijak mengangkat citra Malaysia dalam karya-karyanya di layar perak.

“Perjalanan saya bekerja dengan produksi Indonesia juga sangat panjang. Ia ibarat proses campur suai dengan siapa saya bekerja di Indonesia. Saya harap filem tempatan kita akan turut dapat dikongsikan kepada penonton Indonesia,” tambahnya.

Beliau turut mengajak anak muda untuk mencari peluang lakonan di luar negara selepas melihat kepada beberapa pelakon Malaysia menunjukkan kejayaan seperti Tan Sri Michelle Yeoh yang berjaya menembusi senarai pencalonan anugerah berprestij dunia, Oscar.

“Pencalonan Michelle memberi inspirasi kepada kita khususnya anak muda untuk meneroka peluang di tempat lain. Michelle sudah menunjukkan laluan dan jalan itu dengan lebih jelas.

“Tapi sekiranya anda mahu bertahan di dalam industri tempatan dan memperjuangkannya, juga tidak mengapa. Henry Golding bermula di Malaysia walau belum tercalon Oscar,” katanya.

Menurut Bront, negara mempunyai bakat-bakat hebat dalam kalangan anak seni tempatan, namun tidak semua pandai menghargai dan memaksimumkan potensi bakat yang dimiliki.

“Apa yang jelas, kita tidak ketandusan bakat. Tapi kita ketandusan orang yang pandai menghargai bakat-bakat ini.

“Yang paling susah bukan mencari perbezaan antara kaca dan permata. Tapi mencari orang yang pandai menilai mana satu kaca dan permata. Kegagalan ini menjadi sesuatu yang menyedihkan untuk industri,” katanya.





Kecekapan jentera pentadbiran dan kebertanggungjawaban Kerajaan Negeri penting bagi memastikan hasrat untuk memberdaya rakyat dapat dicapai dan menjadikan Selangor berkemampuan mendepani krisis pascapandemik.

Sehubungan dengan itu, Belanjawan Negeri 2023 menerusi Teras 5 dengan tema Tadbir Urus Cekap dan Bertanggungjawab merangka matlamat berkenaan dengan hala tuju ke arah pendigitalan penuh, sekali gus menjadikan Selangor sebagai Negeri Pintar.

Wartawan NADIAH ZAMLUS menyusun perincian program-program yang disusun dalam Teras 5 Belanjawan Selangor 2023 yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 25 November 2022.

Evolusi menuju negeri pintar

TERAS 5 TADBIR URUS CEKAP DAN BERTANGGUNGJAWAB

KESELAMATAN SIBER

- RM20 juta untuk tempoh lima tahun. RM2 juta diperuntuk tahun ini sebagai perintis memperkasa keselamatan dan daya tahan siber Selangor
- bentuk Pasukan Cyber Emergency Response Team Selangor (CERT Selangor) bagi pastikan keselamatan siber negeri berada di tahap optimum
- pasukan itu selia perkhidmatan keselamatan terurus dan laksana audit keselamatan siber
- rugi RM98.2 juta di Selangor sehingga September 2022 akibat jenayah siber
- bukti jenayah siber, keselamatan data berpotensi sebabkan kerugian kepada ekonomi
- beri kesan terhadap keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ekonomi digital dan internet di Malaysia

PENDIGITALAN

- perkhidmatan Kerajaan Negeri untuk terus perkasa rakyat menerusi inovasi digital
- beri keutamaan terhadap aspek Kerajaan Pintar bagi pastikan perkhidmatan yang dilaksana pantas dan telus
- Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) akan naik taraf proses permohonan bantuan kewangan daripada manual kepada atas talian di 56 pejabat Ahli Dewan Negeri (ADN)
- tingkat proses pemantauan dan keputusan secara pantas dan mudah
- penggunaan Infrastruktur Digital Smart Selangor lebih luas bagi laksana inisiatif ID Digital di peringkat negeri
- ID Digital berupaya akses perkhidmatan awam Kerajaan Negeri hanya menerusi satu ID digital sekali gus merealisasikan Selangor sebagai Negeri Pintar

NAIK TARAF PUSAT DATA PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

- Perbendaharaan Negeri Selangor berperanan

menguruskan kewangan Kerajaan Negeri dan agensi di bawahnya

- perkukuh pengurusan data digital kewangan Kerajaan Negeri perlu meliputi perkakasan, rangkaian dan keselamatan ICT di pusat data
- RM1.6 juta naik taraf pusat data
- beri impak persekitaran pusat data lebih cekap dalam mengekalkan integriti data digital kewangan negeri
- projek itu akan meningkatkan imej kerajaan kerana mempunyai pusat data selamat serta patuh piawaian

PEMBANGUNAN SISTEM DALAM TALIAN OSC DUTI HIBURAN

- Kerajaan Negeri memulakan proses pembangunan sistem dalam talian duti hiburan yang bersifat 'one-stop-centre'
- libatkan Unit Hasil Perbendaharaan Negeri Selangor dan sebanyak 12 pihak berkuasa tempatan (PBT)
- bertujuan ringankan beban pengusaha industri sekali gus meningkatkan kecekapan proses
- sebelum ini, pengusaha industri hiburan perlu jelaskan bayaran deposit berdasarkan anggaran jumlah tiket akan dijual sebelum peroleh lesen ataupun permit daripada PBT

KAJIAN PEMBANGUNAN PORTAL PERKHIDMATAN KERAJAAN SELANGOR

- bangun Portal Perkhidmatan Kerajaan Selangor bagi kajian spesifikasi teknikal (perkakasan, perisian serta aplikasi) skop kerja
- bertujuan perkemas perkhidmatan End to End (E2E) kepada rakyat
- babitkan agensi di bawahnya termasuk PBT serta pejabat daerah dan tanah
- kajian ini akan kenal pasti tahap keperluan penggunaan perkhidmatan berpusat membolehkan rakyat terima perkhidmatan lebih mudah, jimatkan kos dan masa urusan

PEMBANGUNAN SEMULA SISTEM eSIDANG

- bangun semula Sistem eSidang iaitu sistem digunakan ADN sebagai medium komunikasi semasa sesi sidang dewan berlangsung
- bangun semula teknologi sistem sedia ada seiring perkembangan teknologi semasa
- kemudahan ini bolehkan interaksi dalam kalangan ADN serta pegawai kerajaan dan agensi yang bertugas boleh berjalan tanpa mengganggu sidang dewan

PENAIKTARAFAN SISTEM TENDER ONLINE

- dilaksana sejak September 2022 dan dijangka selesai pertengahan tahun ini
- sistem ini akan beri ruang kepada para petender yang layak untuk membida projek-projek dalam Kerajaan Selangor
- berupaya terima permohonan daripada syarikat-syarikat yang ingin turut serta dalam membantu Kerajaan Negeri laksana projek-projek yang diiklankan

ELAUN KETUA KAMPUNG TRADISI, KETUA KAMPUNG BAHARU/BAGAN DAN KETUA KOMUNITI INDIA

- selaras elau Ketua Kampung Tradisi, Ketua Kampung Baharu/Bagan serta Ketua Komuniti India daripada RM1,200 sebulan kepada RM1,500 sebulan
- tambah peruntukan RM1.843 juta tahun ini dan kadar elau baharu ini telah bermula Januari 2023
- majlis pengurusan ketua kampung (MPKK) dan ketua komuniti India (KKI) merupakan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat akar umbi
- harap pengerusi MPKK dan KKI dapat beri kualiti perkhidmatan terbaik seiring peningkatan elau

Kreativiti mesin kecerdasan buatan



Penyelidik kedoktoran di Universiti Teknologi Mara, **ZAMIR MOHYEDIN** seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

Tahun 2016 memaparkan satu lagi peristiwa simbolik (selain daripada pemain catur Garry Kasparov lawan komputer Deep Blue) bagi kemenangan kecerdasan buatan apabila AlphaGo menewaskan jaguh permainan Go Lee Sedol.

Berbanding catur, permainan Go (**gambar**) lebih rumit dan lebih banyak ketidakpastian (uncertainty). Tahap kepintaran kecerdasan buatan dapat diuji apabila berhadapan dengan ketidakpastian yang tinggi. Ia semakin pintar apabila berjaya menangani ketidakpastian yang tinggi dengan baik.

Go merupakan permainan berpapan berstrategi untuk dua orang pemain. Permainan berkenaan menggunakan batu hitam dan putih sebagai buah caturnya.


Kemenangan AlphaGo bukan kemenangan yang sama dirasakan seperti kemenangan Deep Blue. Lembah Silicon menyambut kemenangan AlphaGo dengan begitu meriah kerana teknologi mereka berjaya menumbangkan jaguh dalam kalangan manusia. Korea Selatan pula diselubungi dengan suasana suram dan ketakutan. Banyak akhbar di Korea Selatan menyiarkan kejayaan kecerdasan buatan mencapai intuisi dan kreativiti dalam permainan.

Suatu ketika dahulu, kita selalu bermegah dengan kreativiti dan imaginasi kita yang selalunya menjadi penanda aras yang membezakan kita dengan mesin, malah penanda aras yang membezakan kita dengan haiwan. Tetapi manusia silap kerana mesin juga mempunyai kreativiti yang kita tidak dapat gambarkan.

Ketika Deep Blue menumpaskan Kasparov, sesetengah saintis tidak merasakan Deep Blue mesin yang pintar. Ia hanya tangkas melihat kebarangkalian berbanding manusia. Ia tidak merangka strategi untuk menang. Ia mempunyai kemampuan ramalan yang tinggi. Deep Blue bergerak mengikut peraturan permainan yang telah ditetapkan dan tidak mempunyai pengalaman ataupun data tentang perlawanan-perlawanan catur sebelum ini.

AlphaGo sangat berbeza dengan Deep Blue. AlphaGo dilatih dengan melihat 30 juta pergerakan buah Go yang pernah dimainkan oleh pakar. Kemudian, ia berlawan dengan dirinya sendiri sebanyak berjuta kali untuk meningkatkan kecekapannya dalam permainan tersebut.

Setiap kali ia kalah berlawan dengan dirinya sendiri, ia akan merangka strategi untuk mengelakkan hal itu berulang. Pencipta AlphaGo pun tidak tahu strategi AlphaGo. AlphaGo mempunyai renungan dan strategi



yang tidak dapat difahami oleh manusia. AlphaGo hanya boleh bagi kemenangan tetapi ia tidak dapat beritahu kepada manusia bagaimana caranya, kaedahnya dan strateginya.

Ia sering melakukan pergerakan yang tidak pernah terfikir oleh manusia bahawa pergerakan itu memberikan kelebihan dan boleh membawa kemenangan. AlphaGo sendiri pernah mengorbankan buah Go sehingga ramai menyangka AlphaGo melakukan kesilapan. Tetapi tidak disangka, pergerakan itu membawa kemenangan sebenar kepadanya. Mesin ini kelihatan mempunyai kreativiti dan intuisi.

Pengalaman ribuan tahun

Berlawan dengan AlphaGo ibarat berlawan dengan pemain yang mempunyai pengalaman selama ribuan tahun kerana data yang disuap dan data yang diperolehi ketika bermain dengan pelbagai versi dirinya sendiri.

Sepanjang AlphaGo dilatih, kita tidak tahu strategi-strategi yang telah direkanya untuk menumpaskan lawan. Malah para penciptanya sendiri di DeepMind turut diselubungi kejahilan. Kita tidak tahu mengapa AlphaGo menggerakkan buahnya di tempat sekian dan sekian.

Semenjak kemenangannya itu, AlphaGo ditambah baik lagi dan menumpaskan lebih ramai jaguh Go termasuklah Fan Hui. Menariknya, semenjak kekalahannya, Fan Hui menjadikan kecerdasan buatan sebagai medium untuk beliau berlatih dan memahami strategi mesin bermain.

Dalam tempoh beberapa bulan selepas berlatih dengan kecerdasan buatan, kedudukan Fan Hui meningkat daripada 500 kepada 300. AlphaGo juga berjaya menumbangkan Ke Jie, jaguh Go nombor satu dunia pada ketika itu yang mempunyai rating Elo setinggi 3,733. AlphaGo sendiri pernah menganalisis permainan Ke Jie dan menyatakan permainan Ke Jie hampir sempurna. Namun, AlphaGo lebih sempurna.

AlphaGo merupakan perintis kepada penciptaan kecerdasan buatan yang lebih baik daripada dirinya. AlphaGo Master tiga kali ganda lebih baik daripada AlphaGo. AlphaGo mempunyai rating Elo setinggi 3,739 manakala AlphaGo Master

mempunyai rating Elo setinggi 4,858. Kemudian DeepMind mencipta AlphaGo Zero pada tahun 2017 yang jauh lebih baik daripada dua versi sebelumnya.

AlphaGo Zero tidak dilatih dengan memasukkan data-data tentang perlawanan Go sebelumnya, tidak seperti AlphaGo dan AlphaGo Master. Ia hanya dilatih secara berlawan dengan dirinya sendiri. Kini, dalam dunia catur, go dan shogi merupakan antara permainan yang dikuasai oleh mesin dan manusia tidak dapat lagi menumpaskannya.

Penciptaan mesin kecerdasan buatan yang pakar bermain sehingga mampu merangka strategi yang kreatif dan tidak diketahui manusia telah memberikan aspirasi kepada DeepMind supaya suatu hari nanti kita dapat mencipta mesin yang dapat menyelesaikan pelbagai masalah dunia yang sistemnya begitu rumit. Mesin yang dapat memberikan idea dan cadangan yang kreatif bagaimana untuk selesaikan masalah seperti perubahan iklim, wabak, kemiskinan, kebuluran dan pelbagai lagi.

Kehadiran kecerdasan buatan ibarat ahli nujum (oracle) yang sering dijadikan rujukan masyarakat purba suatu ketika dahulu. Apabila datangnya bencana, masalah dan perselisihan, ahli nujum dirujuk untuk memberikan penyelesaian. Biasanya ahli nujum sentiasa memberikan solusi tanpa menghuraikan kewajarannya. Masyarakat pada masa itu pun tidak mengambil peduli mengapa penyelesaiannya harus demikian kerana kepercayaan mereka terhadap ahli nujum begitu tinggi.

Pada hari ini, kita bakal menyaksikan bibit-bibit ini kerana kepercayaan kita terhadap keupayaan kecerdasan buatan. The Hague pernah menggunakan kecerdasan buatan untuk menangkap penjenayah. Kecerdasan buatan pun pernah mendiagnos penyakit lebih pantas daripada doktor.

Sekiranya anda dicabar oleh pemain Go Lee Sedol, tentulah anda akan mengerahkan AlphaGo untuk menewaskannya. Asalkan anda menang, anda mungkin tidak peduli pun bagaimana AlphaGo bermain.

Tanda kekuasaan Allah

ISRAK Mikraj merupakan antara tanda kekuasaan Allah SWT yang diperlihatkan kepada hamba-Nya. Tanpa iman kukuh, kebenaran peristiwa itu sukar diterima seperti yang berlaku kepada penduduk Makkah pada zaman Rasulullah SAW.

Justeru, peristiwa yang mengandungi seribu satu hikmah dan mukjizat ini amat besar nilainya di sisi orang-orang muslim dan ia kekal terpahat dalam lipatan sejarah Islam. Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor, Dato' Dr Anhar Opir berkongsi jawapan terhadap persoalan mengenai peristiwa agung itu yang lazim berlegar dalam kalangan umat Islam ketika wawancara bersama wartawan NADIAH ZAMLUS pada 7 Februari



“Setiap perjalanan untuk mencapai reda Allah SWT tidak akan sunyi daripada diganggu oleh bisikan dan gangguan syaitan daripada kalangan jin dan manusia dan kita hendaklah sentiasa memohon pertolongan Allah”



PENGAJARAN ISRAK MIKRAJ

- solat adalah ibadah paling mulia kerana ia diperintahkan secara langsung kepada Rasulullah SAW tanpa melalui malaikat Jibril berbanding kewajipan lain yang diperintahkan melalui perantaraan malaikat Jibril
- pengurangan 50 kali solat sehingga menjadi lima kali setiap hari menjadikan umat Islam lebih produktif selain pelaksanaan perintah solat menjadi lebih mudah
- umat Islam hendaklah memastikan diri dan keluarga tidak mengabaikan solat lima waktu untuk menjamin kejayaan di dunia dan akhirat
- meyakini bahawa setiap pelanggaran perintah Allah akan menerima pembalasannya seperti yang digambarkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj
- umat Islam diingatkan supaya istiqamah dalam melaksanakan kebajikan dan amal soleh untuk mendapat ganjaran Allah di akhirat kelak



- darjat hamba merupakan darjat yang tinggi di sisi Allah. Dalam peristiwa ini, Baginda dipanggil dengan panggilan hamba. Justeru, hendaklah berusaha agar benar-benar jadikan diri sebagai hamba Allah yang taat supaya layak memasuki syurga



Sumber
1. Artikel Tashih Al-Mafahim #17 : Kisah Israk Dan Mikraj Palsu kerana menzahirkan kelemahan Nabi SAW? pada 11 Mac 2020. Diambil daripada laman web Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan
2. Teks khutbah Jumaat bertajuk 'Pengajaran dari Peristiwa Israk Mikraj' pada 12 Mac 2021 oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

Boleh Dato' jelaskan apa itu Israk dan Mikraj secara ringkas?

Israk bermaksud peristiwa Rasulullah SAW diperjalankan oleh Allah SWT pada malam hari dari Masjid al-Haram di Makkah ke Masjid al-Aqsa di Baitulmaqdis yang terletak di Palestin. Sementara Mikraj pula adalah peristiwa Rasulullah dinaikkan ke langit sehingga sampai suatu tempat yang dinamakan sidratul muntaha untuk bermunajat kepada Allah

Tadi Dato' ada sebutkan mengenai Baitulmaqdis. Difahami tempat itu mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam kerana menjadi destinasi penting ketika Israk Mikraj, boleh Dato' jelaskan sejauh mana keistimewaan itu?

Baitulmaqdis adalah tempat yang diberkati Allah seperti yang tercatat di awal surah al-Isra' "Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram di Makkah ke Masjid al-Aqsa di Palestin yang kami berkati sekelilingnya.....". Bumi Baitulmaqdis juga diberkati kerana di sana telah diutus nabi-nabi terdahulu dalam kalangan Bani Israel

Ada beberapa peristiwa berlaku sepanjang perjalanan Rasulullah itu. Salah satunya adalah benarkah ketika itu Rasulullah melalui sebuah kubur dan dikatakan kubur berkenaan wangi.

Kubur siapakah itu? Boleh Dato' jelaskan?

Melalui riwayat Ibnu Abbas RA, ketika Rasulullah diisrakkan, Baginda telah melalui suatu kawasan yang berbau harum. Lalu Rasulullah bertanya kepada malaikat Jibril. Jibril menjawab haruman tersebut datangnya daripada kubur Masyitah. Masyitah adalah seorang wanita. Dia tukang sikat anak Firaun yang telah menyebut 'Binasalah Firaun' ketika sikat tiba-tiba terjatuh.

Apabila berita tersebut sampai kepada pengetahuan Firaun, Masyitah, suaminya dan kedua anaknya dibunuh. Cara mereka dibunuh dengan dijatuhkan ke dalam kawah yang berisi air mengelegak disebabkan tidak mengakui Firaun adalah tuhan sebaliknya mengesakan Allah.

Perincian kisah ini ada diriwayatkan oleh Ahmad, al-Tabarani, Ibnu Hibban dan Hakim

Dalam perjalanan itu juga, Rasulullah SAW menghadapi gangguan jin Ifrit dan menyaksikan peristiwa simbolik yang amat ajaib. Boleh Dato' terangkan?

Yahya bin Sa'id RA berkata, ketika Rasulullah diisrakkan, Baginda melihat 'Ifrit daripada golongan jin mengikutnya dengan membawa sebuah obor api. Lalu Jibril telah mengajarkan kepada Baginda satu doa untuk mengelak gangguan tersebut seperti yang diriwayatkan oleh Imam Malik. Doa itu bermaksud:

'Aku berlingdung dengan wajah Allah, Yang Maha Mulia, dan dengan kalimat-Nya yang sempurna, yang tidak didahului oleh orang

baik mahupun pendosa, daripada kejahatan yang turun dari langit mahupun kejahatan yang naik ke arahnya, dan kejahatan yang tertanam di dalam bumi dan yang keluar darinya, dari fitnah malam dan siang, dan dari bencana malam mahupun siang, kecuali bencana yang mendatangkan kebaikan, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih'

Hikmah disebalik peristiwa ini adalah setiap perjalanan untuk mencapai reda Allah SWT tidak akan sunyi daripada diganggu oleh bisikan dan gangguan syaitan daripada kalangan jin dan manusia dan kita hendaklah sentiasa memohon pertolongan Allah

Bagaimana pula tentang buraq iaitu binatang yang ditunggangi Nabi ketika peristiwa itu? Ada yang cuba melukis bagaimana buraq itu dan sebagainya, apa pandangan Dato'?

Buraq adalah binatang dari syurga yang berwarna putih. Lebih besar saiznya daripada keldai dan lebih kecil daripada baghal. Gambaran atau lukisan Buraq hanyalah imaginasi pelukis yang tidak dapat dipastikan kesahihannya

Pernahkah ada hadis palsu dan cerita rekaan berkenaan Israk Mikraj? Pernah atau tidak pihak Dato' mendapat laporan mengenai penceramah bebas yang menokok tambah bila beri kuliah mengenai Israk Mikraj?

Pihak Jabatan Mufti Negeri Selangor belum pernah menerima laporan mengenai penceramah

bebas yang menokok tambah ketika menyampaikan kuliah mengenai Israk Mikraj

Ketika peristiwa Israk dan Mikraj, Allah telah menurunkan hadiah terbesar kepada umat Islam iaitu solat lima waktu sehari semalam, bagaimana proses itu terjadi?

Ketika Rasulullah bermunajat kepada Allah SWT di sidratul muntaha, Allah telah mewajibkan solat fardu yang pada asalnya berjumlah 50 waktu sehari semalam. Namun, kewajipan tersebut akhirnya menjadi lima waktu setelah Rasulullah meminta ia dikurangkan

Apakah amalan khusus yang patut kita lakukan bagi memperingati peristiwa Israk Mikraj ini?

Tiada amalan yang khusus untuk diamalkan pada malam peristiwa Israk Mikraj. Apa yang ada, adalah dalil umum berkaitan galakan memperbanyakkan amal ibadah

Boleh Dato' cadangkan kitab atau buku tulisan ulama yang boleh kita rujuk untuk lebih memahami peristiwa Israk Mikraj

Antara rujukan yang paling utama dalam memahami peristiwa Israk dan Mikraj ini adalah buku berjudul Fiqh Sirah karangan Syekh Sa'id Ramadhan al-Buti, Ar-Rahiq Al-Makhtum karangan Syekh Safiyyurrahman al-Mubarakfuri dan buku berjudul al-Anwar al-Bahiyah Fi 'an Isra' Wal Mikraj Khairul Bariyyah karangan Syekh Sayyid Muhammad bin Alawi al Maliki

Karya peristiwa agung nabi

Kifayatul Muhtaj

- ▶ Sebuah karya dihasilkan ulama Syeikh Daud Abdullah al-Fathani yang secara khususnya membicarakan peristiwa Israk dan Mikraj yang dilalui Nabi Muhammad SAW
- ▶ Beliau selesai menyusun maklumat dan menulisnya di Makkah pada 27 Muharam 1224 Hijrah
- ▶ Olahan daripada terjemahan risalah Najmuddin al-Ghaithi dan syarahan Syeikh Ahmad Syihabuddin al-Qalyub
- ▶ Kitab ini diulang cetak beberapa kali dan cetakan kedua oleh Mathba'ah at-Taraqil Majidiyah di Makkah telah ditashih (diakui benar) oleh Syeikh Idris Husein al-Kalantani
- ▶ Tulisan pengarang itu masih digunakan ramai penceramah sehingga kini untuk membicarakan peristiwa Israk dan Mikraj

Jam'u al-Fawaid wa Jawahir al-Qalaid

- ▶ Sebuah lagi kitab tulisan Syeikh Daud yang mengisahkan peristiwa Israk dan Mikraj
- ▶ Selesai ditulis di Makkah pada 27 Jamadilawal 1239 Hijrah
- ▶ Kandungannya secara umum membicarakan ilmu pengetahuan berkaitan sejarah, akidah, fiqh, tasawuf, hadis, tafsir dan doa
- ▶ Syeikh Daud sentuh peristiwa itu dalam bab bulan penting Islam antaranya Rejab

ISRAK Mikraj disambut pada 27 Rejab setiap tahun Hijrah oleh setiap umat Islam. Dalam peristiwa itu, Rasulullah SAW dibawa dari Masjidil Haram di Makkah ke Masjidil Aqsa di Palestin dan kemudian diangkat sehingga ke sidratul muntaha di langit ketujuh.

Pelbagai peristiwa dialami Nabi Muhammad SAW sepanjang perjalanan agung itu.

Antaranya bertemu rasul-rasul terdahulu dan kemudian dibawa mengadap Allah Yang Maha Esa. Israk Mikraj juga menjadi saksi bahawa umat Islam diwajibkan menunaikan solat lima waktu sehari.

Untuk mengingati dan memberi kefahaman kepada lebih ramai umat Islam, ulama-ulama nusantara terdahulu antaranya Syeikh Daud Abdullah al-Fathani telah menulis dan mentafsir mengenai peristiwa bersejarah itu.

Sempena sambutan Israk Mikraj, wartawan AMIN RIDZUAN ISHAK menyusun kitab ditulis ulama Alam Melayu berkaitan peristiwa agung itu yang menjadi khazanah serta tatapan generasi kini.

Ward az-Zawahir

- ▶ Syeikh Daud berjaya selesaikan tulisannya untuk kitab ini pada 1245 Hijrah
- ▶ Dalam kitab itu, peristiwa Israk dan Mikraj diceritakan dalam bab mukjizat Nabi Muhammad SAW

Al-Kaukabud Durri fin Nuril Muhammadi


- ▶ Tulisan ulama Syeikh Muhammad Ismail Daudi al-Fathani ini disiapkan di Makkah pada 15 Syaaban 1304 Hijrah
- ▶ Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah mencetaknya pada 1308 Hijrah dan ditashih Syeikh Ahmad Muhammad Zain al-Fathani

Dhau-us Siraj fi Qishshah Isra' wal Mi'raj

- ▶ Kitab ini ditulis Syeikh Ahmad Khathib 'Abdul Lathif al-Minangkabawi
- ▶ Disiapkan pada 27 Rabiulakhir 1312 Hijrah dan dicetak Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah pada 1325 Hijrah
- ▶ Maklumat dalam kitab itu ditashih Syeikh Daud Ismail al-Jawi al-Fathani pada 1326 Hijrah
- ▶ Kitab ini antaranya turut mengutarakan bantahan pemikiran orang Barat berhubung persekitaran Israk dan Mikraj terutama berhubung langit

Sumber

Kertas kerja 'Israk Mikraj dan Kebangkitan Ummah' oleh Wan Mohd Shaghir Abdullah dalam Seminar Penghayatan Israk dan Mikraj 1425H pada Sabtu 16 September 2004 di Pusat Dakwah Islamiyah Negeri Sembilan



Rezeki besi lusuh



Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto FIKRI YUSOF

Dua kali suami terlibat dalam nahas pada 2011 diikuti kemalangan lapan tahun kemudian menjadikan Nor Zihan Aminah Ahmad ligat mencari rezeki.

Ibu tiga anak berusia 34 tahun itu menyara keluarga dengan menjual air, pisang goreng dan sosej berhampiran sekolah. Namun, hasil pendapatan tidak seberapa.

Sewa RM500 sebulan kerap tertangguh hingga diarah mengosongkan rumah apabila tunggakan mencecah RM2,000 pada 2016. Mujur Lembaga Zakat Selangor (LZS) membantunya. Tiga tahun kemudian, LZS juga memberi bantuan kenderaan pacuan empat roda untuk membantu perniagaan barang lusuh yang diusahakan Nor Zihan Aminah.

Bertahun-tahun bekerja keras hingga memperoleh pendapatan RM8,000 sebulan, penat lelahnya berbaloi apabila beliau menerima Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif LZS kategori usahawan berjaya pada 2022.

Segala bermula apabila suaminya parah akibat keretanya terbakar pada 2011. Sebahagian tubuh dan muka Zulkifli Shafie, 34, melecur teruk. Tangannya pula lumpuh. Dua bulan terlantar di hospital.

Justeru, Nor Zihan Aminah tidak duduk diam. Beliau berniaga untuk menampung keluarga. Namun, tidak cukup dan hampir dihalau dari rumah sewa.

Dari resah bertukar anugerah, bantuan LZS yang awalnya untuk melangsaikan tunggakan itu membawa kepada tawaran bantuan perniagaan melalui program Teraju Ekonomi Asnaf (Teras).

“Pegawai zakat tanya hendak berniaga apa? Suami cakap dia masih boleh cari ikan walau

hanya sebelah tangan berfungsi. LZS hulur bantuan jaring ikan,” kata Nor Zihan Aminah ketika ditemui Selangorkini di rumah mereka di Kampung Olak Lempit, Kuala Langat pada 20 Januari.

Tiada pilihan

Zulkifli meneruskan kegiatan menangkap ikan manakala Nor Zihan Aminah memandu van uzur untuk menaja hasil tangkapan dari rumah ke rumah selain berjinak-jinak berniaga besi lusuh.

Pada 2019, sekali lagi Zulkifli terlibat dalam nahas. Kali ini, tulang bahagian lutut dan tengkuk pula patah. Beliau tidak lagi boleh menangkap ikan.

Nor Zihan Aminah tiada pilihan, terpaksa memikul tanggungjawab menyara keluarga sepenuhnya. Beliau menggandakan usaha dengan meneruskan perniagaan besi lusuh.

“Mula-mula saya ambil besi buruk dengan jiran sahaja tetapi bila suami tidak boleh kerja saya fokus betul-betul dengan iklankan di Facebook. Tak sangka, rupanya dapat sambutan.

“Bila banyak permintaan, saya minta bantuan lori daripada Teras tetapi saya tiada lesen bawa barang (GDL). Teras kemudian beri kenderaan pacuan empat roda pada September 2019 untuk angkut mesin basuh dan peti ais rosak yang orang mahu jual,” katanya.

Selepas tiga bulan, perniagaan Nor Zihan Aminah kian berkembang. Beliau mampu membeli lori kecil terpakai pada harga RM11,000. Betapa tidak, perniagaannya dapat permintaan tinggi daripada kilang, bengkel kenderaan dan kolej bagi melupuskan sisa besi lusuh dan alat

ganti yang tidak boleh digunakan lagi.

Menyedari mereka memiliki kemampuan untuk berdiri di kaki sendiri meski jauh dari kemewahan, Nor Zihan Aminah pada 2020 menulis kepada LZS untuk memohon keluar daripada kelompok asnaf.

“Sebenarnya, masa mohon keluar asnaf, saya bukan ada duit pun. Cuma tinggal seratus sahaja dalam akaun buat modal pusingan tetapi sebab sudah boleh beli lori, rumah pun bayar sendiri, buat apa ambil zakat lagi,” katanya.

Sejak itu, rezekinya kian murah. Perniagaan makin maju. Semakin banyak kolej dan kilang menjual besi buruk. Nor Zihan Aminah juga menyewakan lori untuk pindah rumah atau mengangkut sisa bahan binaan. Selepas tolak gaji dua pekerja dan modal pusingan, beliau meraih pendapatan bersih kira-kira RM4,000 sebulan.

Zulkifli pula, walau tidak lagi boleh bekerja seperti dahulu, mengusahakan ternakan kolam kanvas ikan tilapia merah kecil-kecilan di perkarangan rumah dengan bantuan anak-anak. Kesungguhan mereka melipat ganda usaha, berjaya melonjak pendapatan hingga mencecah RM8,000 hingga RM9,000 sebulan. Menjelang akhir 2020, mereka mampu membeli tapak berharga RM66,000 daripada pemaju perumahan.

“Rupa-rupanya, apabila keluar asnaf, hidup kita jadi lagi senang. Sampai boleh bayar pendahuluan RM22,000 untuk beli tapak rumah dan bakinya ansuran RM4,000 sebulan. Alhamdulillah, habis bayar,” katanya.

Pada masa ini, pasangan suami isteri yang cekal mendepani pancaroba gigih mengumpul wang menerusi perniagaan mereka bagi membiayai kos membina rumah mereka.



Hikayat sebuah rumah songsang

Oleh HAMIZUN SYAH
Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

AL-KISAH di kawasan perumahan Taman Jasa tersergam sebuah kediaman agam. Dari pandangan luar tidak banyak berbeza. Tetapi di dalamnya. Ya, di dalamnya! Terdapat tujuh ekor katak melekat di muka siling. Dua ekor ular menjalar dengan lidah bercabang. Sebelas ekor beruk bergayut antara kambi-kambi siling. Semua binatang itu kaku di rumputan yang terhampar ke seluruh siling ruang tamu, dapur, bilik-bilik dan tandas. Tetapi sekarang ini kediaman agam peninggalan Cikgu Zamri itu berdepan ancaman besar yang tidak wajar.

Sayugia itu Zawiyah masih ingat kata-kata seorang tetangga: “Wahai, Zawiyah! Belum pernah kutemui ruang dalam rumah aneh begini. Permaidani rumput terhampar dan haiwan liar berkeliaran di silingnya.”

Sebenarnya tiga orang juru reka-hias dalaman rumah dipanggil untuk tujuan tersebut. Tiga ahli kimia diupah mendapatkan kaedah membikin simen biru-langit dan putih-awan yang tidak memberikan kesan mudarat pada kulit kaki. Lima orang tukang rumah bersama tiga pelukis handalan bekerjasama meratakan simen biru- dalam pembentukan citra langit-awan menyelurahi lantai kediaman itu.

Sayugia itu berkata seorang tetamu lain: “Engkau tahu, Zawiyah! Setiap kali masuk rumah ini aku seperti bersiar di angkasa.”

Manakala mengingatkan semua itu Zawiyah duduk-duduk di ruang tamu menunggu pulang dua orang anaknya, Zuraida dan Zaim. Terimbau sejak usia belasan dua-beradik itu membesar sebagai yatim-piatu. Banyak suka-duka tatkala Zawiyah membesarkan mereka sementara dia hanya petugas am di Jasa Klinik Haiwan; milik swasta. Zuraida sudah dewasa, perawan nan menawan. Sementara Zaim pula seorang Timbalan Penguatkuasa Kota Jasa. Selama bekerja anak-anaknya sibuk dan jarang menjenguk. Selama itu siang-malam Zawiyah bertemankan sunyi. Sesekali sanak-saudara atau tetangga ada bertandang. Selepas bersara Zawiyah tekad memperuntukkan wang simpanannya juga wang tabungan Cikgu Zamri untuk mengubah-suaikan ruang dalaman rumah. Sehingga sesiapa sahaja yang pertama kali bertandang pasti tergumam dan tergamam. Seakan bumi di atas dan langit di bawah.

Selain itu juga lampu-lampu berbentuk bintang besar-kecil melekat di muka dinding. Ada berburuj Belantik, berburuj Kala Jengking dan berburuj Silang Selatan. Di dinding sebelah barat terpasang sebiji lampu bulat besar. Apabila menyala seolah-olah matahari sedang terbit dari barat ke timur. Beberapa tiang berwarna mendung berselang-selikan titis hujan naik ke siling.

Maka seorang teman kepada Zuraida pernah berkata sambil terancang-cangak: “Rumah ini terbalik! Dunia dekat kiamat!”

Sekonyong-konyong semua kenangan melurut ke lantai ala-langit. Zawiyah meneguk sedikit kopi tersedia di meja depannya. Tatkala meletakkan semula cangkir kopi itu. Serentak ingatannya ke kata-kata teman kepada Zuraida. Kata-kata itu kata keramat Cikgu Zamri. Ya, kata keramat arwah suaminya! Seorang yang patuh aturan ketika di sekolah ataupun di rumah. Tatkala hayat suaminya lebih gemar membelek akhbar, majalah dan buku-buku. Tidak

berlepak di lepau tetangga atau di warung-warung seperti ramai lelaki lain.

Arakian itu tidak hairan suaminya cepat membawa balik berita pelik dari dalam negeri atau luar negara. Antaranya tentang seorang budak berbangsa Jawi yang belum petah tetapi boleh membuat air penawar mengubati berbagai penyakit. Begitu juga berita seorang pemuda yang mabuk teruk sanggup memenggal bapa kandung. Begitu juga berita tentang seorang isteri mencincang tubuh lakinya sehingga ajal.

“Dunia songsang! Kiamat sudah dekat!” Cikgu Zamri menutup ceritanya.

Manakala Zawiyah terbayang-bayang akan tingkah Cikgu Zamri mundur-mandir di ruang tamu. Suaminya menggeleng-geleng memberitahu tentang seorang duda berjanggut sehasta mengakui Nabi dan punya ramai pengikut. Disampaikan tentang seorang ibu tunggal menyatakan kehamilannya tanpa laki setaraf kehamilan ibu kepada Isa Al-Masih dan ramai yang mempercayainya. Sambil terharu pada perkara-perkara yang jelas terpesong namun tetap punya pengikut tersendiri.

“Dunia songsang! Kiamat sudah dekat!” Cikgu Zamri menamatkan rungutannya.

Tidak semena-mena deru angin luar menembusi jendela berbentuk bulan sabit menyentuh rambut Zawiyah yang sudah banyak berwarna asap. Beberapa hari kebelakangan ini Zuraida dan Zaim kerap pulang. Bukan saja-saja pulang. Mereka pulang demi mempertahankan kediaman ini. Zawiyah meneguk secangkir kopi yang sudah pun suam.

Sementelah Zawiyah terus menyemat kata keramat arwah suaminya yang bagaikan azimat. Setiap kali sampai berita banjir besar di Mekah atau pokok mengeluarkan darah atau anak kambing berkaki lima malah lain-lain aneh lagi. Bauran sahih dan fitnah menular secara lisan. Lambakan cerita-cerita yang menyimpang daripada ajaran agama, menyanggah resam bangsa, tergelincir daripada ketertiban semesta dan terbabas daripada asas manusiawi. Merebak tanpa batasan. Kata keramat suaminya serta-merta menerjah kotak ingatnya; “Dunia songsang! Kiamat sudah dekat!”

Arakian terlalu lama kesunyian diulit juga rasa kehilangan lantas Zawiyah tercetus ilham membawa kata keramat arwah suaminya masuk kediamannya. Selain daripada ini Cikgu Zamri tidak mewasiatkan wang berjuta atau harta belanar. Kata keramat arwah itulah azimat malah satu-satunya amanat yang ada. Zawiyah berhasil membalikkan tata-hias alam semula jadi ke kediaman ini.

Maka selepas bertahun disebut-sebutnya orang dekat-jauh, serata pelosok rimba merebak ke ceruk sungai akhirnya ke pengetahuan pembesar-pembesar dan sampai ke Atasan Perdana. Ramai kerabat luar-dalam negara ingin menyaksikan dengan mata kepala sendiri hiasan songsang yang menjadi bualan buana. Beberapa minggu lepas Pihak Kuantkuasa Budaya Dan Agama mengutuskan lima orang wakil bersemuka dengan Zawiyah.

“Maaf, Puan! Susunan songsang dalam rumah ini mesti dipadamkan secepat mungkin. Citra dalam rumah ini seperti mempersendakan alam semula jadi.” Sebut ketua kepada kumpulan wakil itu.

“Kami juga minta maaf! Kami tidak membenarkan sesiapa menjahanamkan ilham ibu kami di kediaman pusaka ayah kami.” seru Zaim tidak marah tetapi jelas tegas.

“Salah besar menderhakai pihak Atasan Perdana. Lagipun bukan rumah ini mesti diruntuhkan. Cuma mesti dihapuskan citra songsang di ruang dalamanya.” suara ketua itu melampau-lampau.


“Dengar semua! Saya akan berurusan dengan pihak Atasan Perdana dan menerangkan susunan dalam rumah ini tidak bercanggah dengan mana-mana fahaman atau anutan.” Lembut suara Zuraida yang mengenakan pakaian rasmi seorang pegawai penting di Jabatan Keadilan Kota Jasa.

“Terserah! Jangan sampai Gerakan Atasan terpaksa bertindak meruntuhkan seluruh rumah ini.” separuh ugut pula ketua itu.

Sayugia terdengar derum kenderaan para wakil itu memasuki perkarangan kediamannya. Zawiyah segera teringat janji mereka akan ke sini semula untuk memastikan arahan sebelumnya dituruti. Bukan senang seseorang itu hendak menerima sebalik setiap songsang masih ada kebaikan. Bukan semua songsang petanda kiamat. Maka beruntung mereka yang melihat hakikat tersirat pada sesuatu kejadian. Tiada yang sia-sia!

Seandainya para wakil itu berkeras. Zawiyah juga tidak akan berlembut. Walaupun perlu tercedera Zawiyah pasti mempertahankan hasil ilhamnya menghiasi kediaman pusaka ini. Zuraida dan Zaim tentu di pihaknya. Zawiyah tenang menghabiskan baki secangkir kopi.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/





KERJASAMA... Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Angkatan Pertahanan Awam mengeluarkan mangsa korban gempa bumi ketika operasi di Nurdagi, Turkiye pada 12 Februari. Foto BERNAMA

Islam anjur toleransi

Kukuh perpaduan, hindari pelampau

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Yang di-Pertuan Agong bertitah pelaksanaan program berteraskan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia perlu diberi tumpuan demi memperkukuh kestabilan di negara ini.

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah ia selaras ajaran Islam yang menganjurkan sifat tasamuh atau toleransi sekali gus menghindari gejala pelampau yang boleh menggugat keharmonian kaum.

"Semangat muhibbah dan saling

menghormati antara kaum adalah asas kepada kestabilan negara," titah Baginda sempena istiadat pembukaan penggal kedua parliman ke-15 pada 13 Februari.

Seri Paduka bertitah permuafakatan antara pimpinan parti dalam kerajaan juga memperkuat tekad bagi menjamin kestabilan politik dan menjana pertumbuhan ekonomi.

Baginda menyeru ahli parlimen supaya mengekal kestabilan tersebut dan menjadikan perpaduan sebagai manifestasi bagi membentuk era Malaysia baharu yang gemilang.

Menyeru ahli politik mengetepi per-

bezaan dan bersatu menjaga kepentingan rakyat, Al-Sultan Abdullah mengingatkan sifat majmuk diterima sebagai kekuatan negara sejak tanah air mencapai kemerdekaan pada 66 tahun lalu.

"Kita sepatutnya telah matang untuk menjadikan perbezaan yang unik ini sebagai rencah utama dalam pembentukan sebuah bangsa Malaysia.

"Jika kepelbagaian, kemajmukan dan kekusutan politik berterusan menjadi punca perbalahan dan perpecahan, beta kluatir suasana damai dan kemajuan yang didamba tidak menjadi kenyataan," titah Baginda lagi.

KDNK tumbuh 8.7 peratus

SHAH ALAM - Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 8.7 peratus bagi 2022 menunjukkan pemulihan keyakinan pengguna, perniagaan dan pelabur kepada ekonomi negara, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga menteri kewangan berkata pencapaian itu disokong prestasi suku keempat 2022 antara lain pemulihan perbelanjaan, pelaburan swasta, penurunan pengangguran dan pengukuhan mata wang ringgit, lapor Bernama.

"Dengan persekitaran ekonomi

global yang semakin mencabar, Belanjawan 2023 akan menggariskan strategi kerajaan untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi serta keyakinan sektor swasta bagi meneruskan momentum pertumbuhan yang dicapai pada tahun 2022 demi kesejahteraan rakyat," katanya pada 10 Februari.

Menurut kenyataan berkenaan, ekonomi Malaysia bagi 2022 merekod prestasi memberangsangkan melalui pertumbuhan KDNK sebanyak 8.7 peratus iaitu mengatasi jangkaan 6.5 hingga 7.0 peratus pada Oktober 2022.

Prestasi pertumbuhan ini juga jauh melebihi pertumbuhan ekonomi 3.1 peratus yang dicapai pada 2021.

Petunjuk yang menunjukkan prestasi kukuh antaranya permintaan domestik yang dipacu penggunaan swasta yang disokong oleh prospek pasaran buruh yang lebih baik dan keyakinan perniagaan yang kekal positif.

"Pasaran buruh mengekalkan tahap guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran berkurang kepada 3.6 peratus pada suku keempat 2022 berbanding 3.7 peratus pada suku ketiga 2022," tambah kenyataan itu.

Segera baik pulih sekolah daif

SHAH ALAM - Kerajaan akan segera menyelesaikan masalah sekolah daif di seluruh negara demi kebajikan anak-anak selain meningkatkan mutu pendidikan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pentadbirannya memastikan semua sekolah bawah tanggungjawab kerajaan diperbaiki bermula dengan Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari, lapor Bernama.

"Tumpuan kita tentu perbaiki mutu (pendidikan) dan menyelesaikan (isu sekolah daif) supaya jangan ada rakyat, baik orang Penan dan Dayak di pedalaman Sarawak, India di Ijok, Melayu di Manek Urai, termasuk kategori miskin.

"Saya beritahu menteri mana sahaja sekolah daif harus disenarai tanpa kira jenis sekolah, tanpa kira jenis daerah, tanpa kira siapa pelajarnya. Tanggungjawab kita mulai tahun ini, pastikan tumpuan khusus untuk perbaiki semua sekolah daif," katanya.

Menu Rahmah tidak libat dana kerajaan

SHAH ALAM - Pelaksanaan Menu Rahmah yang menawarkan makanan pada harga RM5 dan ke bawah sejak hujung bulan lalu tidak melibatkan perbelanjaan kerajaan.

Menteri perdagangan dalam negeri dan kos sara hidup menjelaskan ia sebaliknya komitmen peniaga yang sukarela menyertai program itu, lapor Bernama.

"Ramai peniaga berlumba-lumba menyertai inisiatif ini dengan menawarkan juadah serendah RM5 di premis mereka, ini maknanya mereka mahu bersama melakukannya dengan semangat kebajikan tanpa paksaan sesiapa.

"Jadi konsepnya di sini jelas, tiada libat satu sen pun duit kerajaan," kata Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 8 Februari.

Kementerian tidak memaksa peniaga, pengusaha dan pemain industri makanan besar mahupun kecil untuk terlibat dalam penjualan Menu Rahmah.

Tidak perkenal semula GST

SHAH ALAM - Tiada cadangan untuk memperkenalkan semula cukai barang dan perkhidmatan (GST), kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sebaliknya, beliau menegaskan pengurangan subsidi bagi golongan kaya akan diperketat seperti dalam isu subsidi elektrik, lapor Berita Harian.

Katanya, kerajaan juga berusaha mengurangkan perbelanjaan dan menyelesaikan liabiliti serta hutang negara yang mencecah RM1.5 trilion.

"Walaupun ada keputusan kerajaan sebelum ini untuk menaikkan tarif elektrik, kerajaan sekarang sudah membatalkan rancangan itu," katanya.

Hutang negara cecah RM1.5 trilion

SHAH ALAM - Pengurusan lemah dan ketirisan punca hutang negaramencecah RM1.5 trilion, lebih tinggi berbanding pertumbuhan ekonomi, kata perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan jumlah hutang ketika ini RM1079.6 trilion termasuk jaminan kerajaan RM205.9 bilion, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) RM18.2 bilion dan liabiliti lain RM4142.2 bilion.

"Ia (hutang) termasuk bayaran khidmat hutang RM41 bilion pada 2022 dan RM46 bilion pada 2023 (manakala) peratus hasil 2022 ialah 14 peratus dan 2023 (16 peratus).

"Ini bermakna bayaran khidmat hutang banyak, hanya membayar faedah bukan bayar hutang tertunggak," katanya.

Buang kandungan isu berbaur sensitif

SHAH ALAM - Sebanyak 197 kandungan di pelbagai platform media sosial diturunkan bagi tempoh Januari lepas kerana melanggar etika penggunaan medium itu, kata menteri komunikasi dan digital.

Fahmi Fadzil berkata 101 kandungan berkenaan dimuat naik menerusi aplikasi TikTok, lapor Bernama.

Menurut beliau, terdapat tiga kaedah digunakan penyedia platform media sosial untuk menurunkan kandungan tersebut antaranya melalui teknologi kecerdasan buatan (AI) yang mengesan dan menurunkan kandungan secara automatik jika didapati melanggar garis panduan.

"Setakat ini, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) tidak memohon tindakan untuk menutup atau menyekat mana-mana akaun pengguna media sosial, sebaliknya hanya menurunkan kandungan yang dimuat naik," katanya pada 14 Februari.

Sertai program tanam pokok

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) mempelawa masyarakat setempat untuk menyertai acara kayuhan santai yang bersekali program penanaman pokok.

Program Kayuhan Santai @ Hijau Lestari 2023 bermula jam 7.30 pagi di Forest Park, Bandar Hillpark, Puncak Alam di sini pada 25 Februari bakal disenarai dalam Malaysia Book of Record.

"Kayuhan santai ini juga bakal disenaraikan dalam Malaysia Book of Record kerana sambil berkayuh akan adanya aktiviti penanaman 25,223 pokok siantan. Penyertaan adalah percuma," menurut kenyataan pada 10 Februari.

Pendaftaran boleh dibuat menerusi pautan shorturl.at/hIBU9 atau hubungi Azzrul menerusi talian 019-613 8164 untuk pertanyaan lanjut.

Elak monopoli lesen perniagaan

SHAH ALAM - Permit penjaja semua pihak berkuasa tempatan (PBT) diselaras semula berikutan siasatan mendapati ada individu sama memiliki banyak lesen.

EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail berkata tindakan itu bertujuan mengelak monopoli yang boleh menjejaskan peluang individu lain untuk memperoleh lesen.

Beliau menjelaskan semakan mendapati 77 peratus daripada 90,000 lesen yang dikeluarkan semua PBT didaftar atas satu nama dan perniagaan dijalankan di pelbagai lokasi.

"Baki 23 peratus daripada jumlah lesen tersebut pula didaftar bawah satu nama dan berniaga di satu tempat dalam lokasi seliaan PBT yang mereka daftar.

"Kadang seorang peniaga ada sampai

30 (lesen) tapi nama (yang didaftar) hanya satu. Bila kita gandingkan bawah Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen), kita tahu sebenarnya mereka berniaga banyak tempat," katanya pada 9 Februari.

Justeru, Rodziah mengarahkan semua PBT supaya memantau perkara tersebut bagi mengelak amalan 'ali baba' iaitu lesen yang diberi digunakan pihak lain.

Jamin tadbir urus terbaik

Tidak kompromi gejala rasuah

SHAH ALAM - Malaysia akan ditadbir sebaik-baiknya dan bangkit daripada kelemahan akibat pentadbiran yang sarat amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim juga yakin Malaysia ada peluang untuk maju sebagai sebuah negara yang memiliki kecemerlangan ekonomi, lapor Bernama.

"Kita (sebelum ini) jadi lemah lalu hilang arah disebabkan tadbir urus

yang buruk, rasuah dan salah guna kuasa. Bagi Malaysia, saya percaya negara dan rakyat berhak memperoleh yang lebih baik lagi," katanya pada 9 Februari.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis minum petang bersama rakyat Malaysia yang menetap di Bangkok sempena lawatan rasmi dua hari ke Thailand.

Menegaskan Malaysia bawah kepimpinannya tidak berkompromi dengan rasuah, Anwar mengajak semua

kaum menolak amalan dan pelaku perbuatan tersebut.

"Mari kita bekerjasama, pilih yang terbaik, tolak rasuah, tolak mereka yang lemah yang hanya boleh bertahan disebabkan rasuah mereka," katanya.

Beliau menambah Malaysia mahu menjalin kerjasama lebih erat dengan Thailand dalam bidang bekalan makanan, teknologi maklumat dan pengangkutan selain menyelesaikan masalah tertunggah.

Daftar kayuhan bersama Raja Muda

KLANG - Program Kayuhan Menjunjung Kasih edisi ketiga anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK) kembali dianjurkan pada 12 Mac di Galeri Jualan Bandar Bukit Raja di sini.

Yang Dipertuanya Noraini Roslan berkata kayuhan santai sejauh 50 kilometer (km) itu turut disertai Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

"Pada edisi kali ini, kayuhan itu ditambah jarak kayuhan kepada 50km dengan melalui Klang Utara dan Klang Selatan berbanding 2019 jarak hanya 37.1km.

"Peserta kayuhan akan merenta-

si dua jambatan iaitu Jambatan Raja Muda Nala dan Jambatan Kota yang ada keunikan dan sejarah tersendiri," katanya selepas melancarkan program itu di MPK pada 8 Februari.

Noraini berkata peserta bakal melalui kawasan tarikan pelancong dan bangunan warisan di Klang sambil menikmati pemandangan infrastruktur tersusun serta keindahan Taman Bandar Bukit Raja.

Acara itu ditaja antaranya Sime Darby Property (Sime Darby), Kossan Rubber Industries Bhd, Central Spectrum (M) Sdn Bhd, Samsung Electronics (M)

Sdn Bhd, Sugarbomb Group, Luqsports Performance and Recovery Center, Proton Malaysia dan V-Sure.

Penyertaan dibuka kepada individu berusia 15 tahun ke atas. Pendaftaran boleh dibuat menerusi pautan chckpointspot.asia/event/kayuhan-menjunjung-kasih-23

Setiap peserta dikenakan bayaran RM50 dan menerima baju, pingat penamat, e-sijil, makanan dan layak menyertai cabutan bertuah.

Maklumat lanjut hubungi talian 010-829 8687/ 012-324 2333/ 013-939 8999 atau e-mel my.endurance@gmail.com

Bantu penjaja beli alatan niaga

SHAH ALAM - Dewan Perniagaan dan Keusahawanan Selangor menyediakan pusat sehenti bagi peniaga dan penjaja untuk memperoleh alatan perniagaan dengan lebih mudah dan terjamin.

Presidennya Datuk Anwar Che Omar berkata perkara itu dimeterai hasil kerjasama antara pihaknya dan JW Equipment Sdn Bhd yang bergabung menjadi Rangkaian DPU Sdn Bhd bagi mengendalikan program itu.

Beliau menambah dewan perniagaan itu akan mempromosi keleng-

kapkan keperluan peniaga daripada kilang JW Equipment kepada peniaga dan penjaja di negeri ini.

"Justeru, apabila peniaga dan penjaja memerlukan apa sahaja alatan perniagaan mereka tidak perlu pening atau tercari-cari sebaliknya boleh mendapatkannya melalui dewan perniagaan ini," katanya.

Terdahulu, beliau bersama EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Rangkaian DPU

Sdn Bhd dengan Persatuan Penjaja dan Perniagaan Kecil Melayu Selangor di sini pada 9 Februari.

Anwar juga mengalu-alukan peniaga dan penjaja di Selangor untuk berdaftar sebagai ahli dewan perniagaan berkenaan dengan yuran serendah RM100 bagi memudahkan urusan jual beli alatan perniagaan.

"Kita ada 2,400 ahli dewan perniagaan. Kami akan bergabung dengan persatuan lain dan dijangka bilangan ahli bakal mencapai lebih 5,000 orang," katanya lagi.



Sekumpulan kanak-kanak mempersembahkan pencak silat ketika program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam pada 12 Februari. Foto Facebook MBSA

3,000 sertai hari tanpa kenderaan

SHAH ALAM - Lebih 3,000 peserta menghadiri program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan bertema Citrawarna di Dataran Kemerdekaan, Seksyen 14 di sini.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berkata program bulanan itu sentiasa dinanti orang ramai berikutan ada pelbagai aktiviti.

Shahrin Ahmad berkata MBSA dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) menganjurkan program 'IMR 123 Fun Run' sejauh lima kilometer dan disertai 1,500 peserta.

"Inisiatif kita adakan program ini bertujuan beri ruang penduduk Shah Alam dan kawasan sekitar adakan aktiviti riadah dan rekreasi pada hujung minggu bersama keluarga.

"Kita lihat program sebegini mampu mengeratkan hubungan kekeluargaan selaras aspirasi masyarakat madani dengan wujudkan suasana masyarakat harmoni serta keluarga sejahtera dan bahagia" pada 12 Februari.

Tingkat keselamatan pengguna

RM5 juta pasang 600 lampu solar

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

AMPANG JAYA - Sebanyak RM5 juta diperuntuk bagi pemasangan lampu solar di seluruh Selangor bertujuan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya, kata EXCO infrastruktur dan kemudahan awam.

Ir Izham Hashim berkata pemasangan fasa pertama bermula November tahun lalu selesai pada Disember melibatkan 31 Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Bagi fasa satu, sebanyak 300 lampu solar dipasang antaranya di DUN Pandan Indah, Sungai Ramal, Bukit Melawati dan Selat Klang. Lampu dipasang berwarna merah yang melambangkan bendera Selangor.

"Alhamdulillah, maklum balas diterima positif dan lampu terang. Fasa kedua bermula Mac dan kita jangka pemasangan selesai sepenuhnya pada Mei depan," katanya selepas merasmikan Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Perwira Jaya di sini pada 11 Februari.

Ir Izham turut meminta wakil rakyat mengenal pasti lokasi-lokasi tertentu yang dapat membantu penduduk sekitar.

"Kita harap lampu solar ini dipasang di jalan-jalan yang tidak ditumpukan pihak berkuasa tempatan dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

"Wakil rakyat boleh pilih kawasan mana mereka hendak pasang kerana masing-masing menerima 10 tiang lampu solar yang setiapnya berharga RM8,000," katanya.

Permudah masyarakat anjur acara

AMPANG JAYA - Penduduk di Kampung Perwira Jaya kini boleh menarik nafas lega apabila dewan yang dibina sejak 2017 sudah mula digunakan untuk aktiviti kemasyarakatan.

Dewan dibina dengan konsep terbuka yang memperuntuk kos pembinaan RM605,000 dan berkeluasan 3,011 meter persegi itu dirasmikan EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam Ir Izham Hashim.

Beliau berkata pihaknya bersyukur apabila dewan milik Majlis Perbanda-

ran Ampang Jaya (MPAJ) itu akhirnya siap dan boleh digunakan penduduk setempat.

"Penduduk sering tertanya mengapa dewan tidak siap kerana berlaku sedikit kelewatan atas beberapa faktor termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berikutan Covid-19.

"Namun, akhirnya dewan ini berjaya disiapkan dan walaupun kelihatan sederhana tetapi ia cantik dan boleh digunakan untuk penduduk selain kosnya lebih murah," katanya yang juga

Ahli Dewan Negeri Pandan Indah pada 11 Februari.

Ir Izham berharap penduduk dapat memanfaatkan kemudahan disediakan dan menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT) memastikan kemudahan rakyat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Dewan yang siap sepenuhnya pada November 2018 boleh disewa orang ramai dengan kadar RM100 sejam dilengkapi dengan satu unit bilik mesyuarat, tandas dan 12 petak parkir kereta.

Manfaat kemudahan, elak laku musnah

AMPANG JAYA - Masyarakat khususnya penduduk di Kampung Perwira Jaya diharapkan memanfaatkan kemudahan dewan baharu di kawasan itu dengan sebaiknya.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata dewan tersebut dibina dengan kos RM605,000 untuk memudahkan penduduk menganjurkan aktiviti kemasyarakatan seperti majlis perkahwinan.

"Saya berharap penduduk dapat sama-sama menjaga kemudahan ini dengan sebaiknya dan mencegah kelakuan laku musnah (vandalisme)," katanya pada 12 Februari.

Segera daftar operasi khemah

SHAH ALAM - Pemilik atau pengusaha tapak perkhemahan di Hulu Selangor diarah mendaftar bagi menjalankan operasi.

Menurut Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS), borang pendaftaran boleh diisi secara dalam talian melalui imbasan kod QR atau menerusi pautan forms.gle/hrVXFbdEZKTf2i2L7

Untuk keterangan lanjut, pemilik dan pengusaha boleh menghubungi Jabatan Perancang Bandar MPHS ditalian 03-6064 1331 sambungan 123.

Selangor memutuskan semua pengusaha tapak perkhemahan perlu berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan bagi menjamin keselamatan pengunjung mulai 1 Februari.

Sedia geran, bantu tingkat operasi

SHAH ALAM - Lebih lima pengendali pusat kebajikan berdaftar menerima Geran Rumah Perlindungan daripada Wanita Berdaya Selangor (WBS), kata EXCO pembangunan wanita dan keluarga.

Dr Siti Mariah Mahmud menjelaskan permohonan geran yang berakhir hujung Disember tahun lalu itu antara inisiatif bagi menambah baik rumah perlindungan wanita dan kanak-kanak.

"Kita kenal pasti dan meluluskan kurang daripada 10 rumah perlindungan yang mahu memanfaatkan geran tersebut.

"Prosesnya agak rumit kerana kita perlu pastikan mereka yang memohon berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan beroperasi dengan betul," katanya pada 11 Februari.

Sebanyak RM200,000 diperuntuk menerusi geran berkenaan bagi menambah baik kemudahan termasuk pembelian aset untuk penghuni.

Maklumat tepat elak bantuan lewat

SHAH ALAM - Pemohon Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS) diminta memastikan maklumat tepat dan tidak mengelirukan dalam permohonan mereka.

EXCO Kebajikan Masyarakat V Ganabatirau menjelaskan masalah sedemikian boleh menyebabkan permohonan bantuan tersebut tidak lulus atau lewat diproses.

"Kita dapati banyak dokumen tidak lengkap dan mengelirukan seperti

alamat serta nombor kad pengenalan anak yang didaftarkan tidak wujud dalam sistem.

"Ini menyukarkan proses kelulusan kerana negeri menjalankan amanah dengan menyalur bantuan kepada penerima layak," katanya ketika merasmikan perayaan Ponggal peringkat negeri di Taman Sri Muda di sini pada 11 Februari.

Ganabatirau berkata seramai 25,111 keluarga berpendapatan rendah menerima manfaat Binkas yang dilancar Julai

tahun lalu.

"Selain BINGKAS, orang ramai juga boleh memohon bantuan lain seperti air percuma, baucar Jom Shopping atau menggunakan perkhidmatan seperti bas percuma atau program kesihatan," katanya.

Inisiatif berkenaan diperkenalkan bagi menggantikan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS IT (Ibu Tunggal) antara skim dalam Iltizam Selangor Penyayang (ISP) menerusi peruntukan RM108 juta.

Catat 1,708 kes bunuh diri

Khidmat kaunseling di masjid

Oleh **DIANA ABD WAHAB**

SHAH ALAM - Pengurusan masjid disaran mewujudkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di kariah masing-masing bagi menangani kejadian bunuh diri.

EXCO Hal Ehwal Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni yakin perkhidmatan itu dapat membantu ahli masyarakat yang menghadapi masalah sebelum keadaan lebih parah.

Beliau menjelaskan kes bunuh diri di negara ini kian membimbangkan dan meningkat ketara selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19.

Katanya, sebanyak 1,708 kes bunuh diri direkod di Selangor membabitkan 281 lelaki dan 1,427 wanita berdasarkan dapatan kajian penyelidikan Univer-

siti Kebangsaan Malaysia antara 2019 sehingga 2021.

"Walaupun data tidak menunjukkan jumlah kaum dan status agama tetapi saya sebagai EXCO agama berasa terpacu untuk mencermati isu ini dari sudut pandang Islam," katanya pada 7 Februari.

Mohd Zawawi berkata kajian itu mendapati kejadian sedemikian berpunca daripada faktor masalah keluarga, tekanan perasaan dan kewangan selain kurang penghayatan agama sebagai asas kekuatan jiwa.

Wakil rakyat Sungai Kandis itu percaya pengukuhan iman dan takwa benteng terbaik untuk membina kekuatan jati serta minda.

"Hukum mengambil nyawa sendiri adalah haram. Tetapi dalam keadaan iman yang lemah dan emosi tidak stabil, keputusan nekad seperti itu perlu bantuan segera," katanya.



Khuatir jejas akidah

SHAH ALAM - Umat Islam dinasihatkan supaya tidak menyertai mana-mana upacara agama lain berikutan perbuatan berkenaan bercanggah dengan ajaran agama, kata EXCO hal ehwal Islam.

Memandang serius penularan video beberapa individu dipercayai beragama Islam mengikut perarakan Thaipusam, Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata tindakan itu boleh menjejaskan akidah serta iktikad mereka sebagai muslim.

"Kepada mereka yang telah mengikutinya dengan niat untuk bersuka-suka atau terlibat sebagai pesta kebu-

dayaan dinasihatkan supaya bertaubat kepada Allah SWT," katanya dalam kenyataan pada 8 Februari.

Beliau menambah umat Islam juga disaran menghubungi Jabatan Mufti atau Jabatan Agama Islam Selangor jika mahu mendapatkan pandangan dan penjelasan mengenai hukum syarak.

Baru-baru ini, tular video selama 45 saat yang memaparkan sekumpulan individu termasuk kanak-kanak dipercayai beragama Islam berarak dalam perayaan Thaipusam.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/N/SEL/S/4/2023 (CP) Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Banjir Di Kampung Perepat, Mukim Telok Panglima Garang, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan	Bumiputera	Berdaftar Dengan CIDB. Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Gred : G6 Kategori : CE Pengkhususan: CE21 & CE36 Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Pembelian dokumen tawaran secara Online di laman web https://tender.selangor.my/ . Syarikat dikehendaki melampirkan salinan resit asal bayaran. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. 1HB MAC 2023 hingga 24HB MAC 2023	RM450.00 Pengaruh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online)	Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor 27HB MAC 2023 (ISNIN) Jam 12.00 tengah hari

Taklimat dan Lawatan Tapak : Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** pada : 28hb Februari 2023 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi Tempat Berkumpul : Dewan JPS Kuala Langat, Sungai Manggis, 42700 Banting, Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan

Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPJK atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa SURAT WAKIL KUASA yang sah sekiranya bukan penama, SALINAN ASAL RESIT SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PPK jika berkenaan dan satu SALINAN bagi sijil-sijil berkenaan semasa mengambil dokumen tender.

Petender boleh menyemak Jadual Tender yang akan dipaparkan di dalam laman web Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor seawat-lewatnya Tujuh (7) hari dari tarikh tutup tender.



MENANG... Pasukan skuasy negara mengekalkan kejuaraan Kejohanan Berpasukan Remaja Asia ke-21 menewaskan Hong Kong 2-0 dalam perlawanan akhir di Chennai, India pada 12 Februari. Foto Facebook HCL For Sports

10,000 hadir pameran

95 peratus tertarik reka bentuk stadium

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Sesi libat urus pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) termasuk stadium negeri yang berakhir pada 10 Februari menarik perhatian lebih 10,000 orang awam.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kehadiran orang ramai ke ruang pameran di pusat beli-belah SACC sejak 26 Januari membuktikan minat mereka terhadap pelaksanaan projek tersebut.

Beliau menjelaskan lebih 95 peratus

pengunjung memberi maklum balas positif dan bersetuju dengan reka bentuk awal kompleks sukan yang bakal dimajukan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

"Pameran ini mendapat ribuan kehadiran secara fizikal sekitar 1,000 hingga 2,000 orang pada satu-satu masa kerana kebetulan ada majlis pengenalan jersi Selangor FC.

"Malah, ia ditonton lebih 1.2 juta orang awam secara dalam talian. Maknanya, nisbah itu besar dan bukti minat orang awam (terhadap pembangunan semula KSSA) sangat tinggi,"

katanya selepas meninjau pameran berkenaan.

Amirudin berkata pihaknya turut menerima banyak cadangan daripada orang ramai dan akan diperhalusi sebaik-baiknya.

"Kita kena tengok laporan terperinci tetapi pasti banyak perkara yang dicadangkan. Sebahagiannya mungkin ada cuma komponennya diubah-ubah.

"Contohnya tempat sukan ekstrem dan tapak pasar pagi kita ada. Kita akan tengok kesesuaian berdasarkan cadangan daripada pihak yang hadir," katanya.

Kos seiring teknologi tinggi

SHAH ALAM - Bekas Menteri Besar Selangor memuji usaha pentadbiran negeri membangunkan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) yang berteknologi tinggi.

Tan Sri Muhammad Muhammad Taib mengakui kompleks yang meliputi Stadium Shah Alam banyak kerosakan dan perlu dibangunkan semula.

"Ini perkembangan baharu dan menarik. Eloklah perubahan ini dibuat untuk masa depan yang lebih baik kerana stadium yang lama kurang berse-

suaian ketika ini.

"Saya harap pihak yang diberi tanggungjawab menguruskan stadium sebaik mungkin supaya tidak berlaku lagi kerosakan seperti sebelum ini," katanya ketika meninjau pameran projek itu di pusat beli-belah SACC pada 10 Februari.

Pada 2 Februari, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata KSSA yang dijangka siap pada 2026 dianggar menelan belanja antara RM700 juta hingga RM1 bilion tetapi kos sebenarnya diumumkan hujung bulan ini.

Muhammad juga percaya kos pembinaan stadium berkenaan berpatutan berdasarkan reka bentuk dan kemajuan teknologi yang diguna pakai.

"Saya dimaklumkan Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan perbelanjaan bagi membina stadium baharu sebaliknya pihak swasta.

"Saya harap stadium ini dapat digunakan sebaiknya untuk tempoh lama supaya pengendali stadium tidak perlu keluarkan wang yang banyak bagi memperbaiki kerosakan," katanya.

RM100,000 taja Selangor FC

SHAH ALAM - Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) menaja wang tunai RM100,000 kepada Selangor FC untuk pasukan itu menghadapi musim baharu Liga Malaysia.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporatnya berkata pihaknya turut membeli 250 jersi tuan rumah untuk diagih percuma kepada kakitangan sebagai tanda sokongan terhadap skuad Red Giants.

"Tajaan ini adalah sebagai tanda sokongan KSSB sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri bagi memastikan skuad Red Giants kekal kompetitif dalam menghadapi saingan Liga Malaysia musim 2023.

"KSSB berharap tajaan ini dapat memberi dorongan dan semangat kepada pasukan tersebut untuk berentap serta merebut gelaran juara dalam saingan tidak lama lagi," kata Suhaimi Khalidi pada 13 Februari.

Pecah rekod kebangsaan 60m

SHAH ALAM - Pelari pecut Muhammad Azeem Mohd Fahmi memecahkan rekod kebangsaan acara 60 meter (m) miliknya dalam kejohanan Tiger Paw Invitational di Amerika Syarikat pada 10 Februari.

Muhammad Azeem mewakili Universiti Auburn mencatat 6.62 saat (s) pada aksi akhir pada kedudukan kelima, dibezakan 0.01s rekod acara sama pada Januari lalu, lapor Bernama.

Trayvon Bromell (6.42s) mewakili New Balance muncul juara saingan itu, manakala Marcellus Moore (6.56s) dari Universiti Texas dan Sterling Warner-Savage (6.59s) mewakili Universiti Louisville, masing-masing tempat kedua dan ketiga.

Muhammad Azeem yang juga pemegang rekod kebangsaan acara 100m tiba di Universiti Auburn, Alabama pada 4 Januari untuk melanjutkan pelajaran sambil menjalani latihan.

Ziyad, Abdul Latif raih emas

SHAH ALAM - Dua jaguh olahraga para Muhammad Ziyad Zolkefli dan Datuk Abdul Latif Romly meraih pingat emas pada hari terakhir Grand Prix Olahraga Para Dunia 2023 di Stadium Olahraga Rades, Tunisia pada 8 Februari.

Muhammad Ziyad, pemenang pingat emas Paralimpik Rio 2016 dan dua kali juara dunia pada 2013 dan 2017, melakukan lontaran sejauh 15.93 meter (m) pada aksi akhir lontar peluru F11/12/20 (masalah pembelajaran), lapor Bernama.

Juara Paralimpik dua kali Abdul Latif Romly pula mencatat 6.90m dalam acara lompat jauh T13/20 (masalah intelektual), meninggalkan pencabar dari Arab Saudi Hassan Dawshi di tempat kedua manakala Mohamed Camara dari Guiana ketiga.



DR SITI MARIAH MAHMUD
Seri Serdang

menyerahkan bantuan kepada penduduk di Puchong Utama, Subang Jaya



BORHAN AMAN SHAH
Tanjung Sepat

menyumbang katil di Kampung Tanjung Sepat Darat, Kuala Langat



WONG SIEW KI
Balakong

gotong-royong bersama penduduk zon 4 di Taman Suakasih, Kajang



JUWAI RIYA ZULKIFLI
Kuala Selangor

bersama sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor di Taman Bendahara, Kuala Selangor



SAARI SUNGIB
Hulu Kelang

bersama penerima baucar Jom Shopping di Pasaraya Giant Taman Permata, Ampang Jaya



LIM YI WEI
Kampung Tunku

menghadiri Majlis Anugerah Aspirasi Murid dan Graduasi Prasekolah di SK Kg Tunku, Petaling Jaya



AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang

meraikan pelajar cemerlang Sekolah Agama Rakyat Kafa Integrasi Bandar Armada Putra di Pulau Indah, Klang



SYAMSUL FIRDAUS
Taman Medan

melawat program Jualan Terus Dari Ladang di kawasan DUN beliau

Permohonan bantuan naik 30 peratus

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga merekod peningkatan lebih 30 peratus permohonan baharu untuk Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Wakil rakyatnya Rodziah Ismail menjelaskan lebih 40 permohonan diluluskan setiap hari berikutan sambutan luar biasa pada



tahun ini atas pelbagai faktor.

"Pendekatan pentadbiran negeri kali ini sangat berkesan. Hebahan juga agak meluas sehingga maklumat itu disampaikan kepada rakyat," katanya.

Terdahulu, beliau menyampaikan baucar beli-belah SMUE kepada 250 penerima bagi Januari dan Februari di Seksyen 17 di sini pada

11 Februari.

Kerajaan Negeri sebelum ini mengemukakan syarat kelayakan pendapatan isi rumah bagi penerima baucar Jom Shopping ditingkat daripada RM2,000 kepada RM3,000 sebulan mulai tahun ini.

Penerima juga bakal menerima baucar beli-belah RM150 setahun berbanding RM100 tahun lalu serta khairat kematian RM500.

Ganti struktur lama

RM500,000 bina dewan terbuka

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

AMPANG JAYA - Sebuah dewan berkonsep terbuka dibina di Kampung Pandan pada Mac menerusi peruntukan RM500,000 Projek Selangor Penyayang, kata wakil rakyat Pandan Indah.

Ir Izham Hashim berkata dewan baharu itu menggantikan Dewan Ahmad Jantan yang tidak dapat digunakan berikutan struktur tidak lagi selamat kepada penduduk kampung tersebut.

"Keseluruhan, kita ada enam dewan konsep terbuka termasuk yang baharu

di Perwira Jaya dan bakal tambah satu lagi di Kampung Pandan yang ditukar namanya kelak.

"Tapak asal juga sebuah dewan tetapi kita akan roboh dan bina semula untuk jadikan ia secara terbuka.

Dewan akan dibina secepat mungkin. Prosesnya bermula Mac selepas selesai dokumentasi," katanya pada 11 Februari.

Terdahulu, beliau yang juga EXCO negeri merasmikan Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Perwira



Jaya di sini.

Menerusi Belanjawan 2023, sebanyak 28 juta diperuntuk bawah inisiatif projek Selangor Penyayang bagi merencanakan ekonomi setempat melalui penyediaan projek kecil demi manfaat rakyat setempat.

Keutamaan diberi kepada projek penyelenggaraan dan menaik taraf prasarana serta pembangunan kemudahan awam kerajaan termasuk yang tidak ada peruntukan penyelenggaraan tahunan.

Serah 20 tan barang untuk Turkiye

SUBANG JAYA - Kira-kira 20 tan keperluan musim dingin dan barangan lain dihantar ke selatan Turkiye bagi membantu mangsa gempa bumi di republik itu.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze berkata barangan tersebut dikumpul menerusi inisiatif 'sumbangan kasih daripada Subang kepada Turkiye'.

"Antara barangan akan dihantar ter-



masuk keperluan musim sejuk seperti baju sejuk, baju lengan panjang, makanan kering, selimut dan lampin pakai buang bayi," katanya.

Menyerahkan bantuan itu kepada Duta Turkiye ke Malaysia Emir Salim Yuksel pada 11 Februari, Michelle menambah sumbangan yang mula dikumpul sejak 9 Februari akan dihantar secepat mungkin.

"Walaupun program ini dibuka dalam masa seminggu tetapi kami buat keputusan tamatkan pada 11 Februari kerana sambutan terlalu baik. Sekarang kami perlukan sukarelawan untuk bantu buat pengasingan (barangan bersesuaian).

"Ada barangan mungkin tidak sesuai untuk disumbang turut diterima. Jadi, bagi memastikan ia (barangan perlu) dapat disalur, kami bekerjasama dengan Red Shield Industries untuk menguruskannya," katanya.



AHLI DEWAN NEGERI SUNGAI RAMAL **MAZWAN JOHAR**

- **Umur:** 55 tahun
- **Falsafah hidup** Menabur jasa sepanjang usia
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Peguam

- **Alamat pejabat ADN:** No. 28-A, Jalan Medan Pusat 2C, Persiaran Bangi, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi
- **Nombor telefon ADN:** 03-8928 9738 / 011-5687 5648
- **Facebook:** Mazwan Johar
- **E-mel:** adnsgoram@gmail.com



4,662 ahli terima manfaat skim

SHAH ALAM - Seramai 4,622 warga emas dan orang kurang upaya (OKU) di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu layak menerima baucar Jom Shopping Skim Mesra Usia Emas (SMUE) bernilai RM150 setiap seorang.

Wakil rakyatnya Lee Kee Hiong menjelaskan pihaknya telah menyerahkan 2,826 baucar atau 60 peratus kepada golongan berkenaan sejak Januari.

"Tahun ini, kita tidak lagi buat serahan mengikut bulan kelahiran peserta SMUE. Ini bererti penerima boleh ambil baucar pada bila-bila masa di pusat khidmat.

"Warga emas atau OKU yang belum ambil baucar boleh bawa kad pengenalan dan datang pada waktu pejabat," katanya pada 8 Februari.

Saringan kesihatan percuma 26 Feb

KUALA SELANGOR - Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang akan menjayakan program pemeriksaan kesihatan percuma di Dewan Sungai Terap di sini pada 26 Februari.

Wakil rakyatnya berkata program 'Kesihatan Untuk Semua' dengan kerjasama Universiti Selangor khusus untuk individu peringkat belia hingga warga emas.

"Kita menyediakan program seperti pemeriksaan mata dengan membawa petugas kesihatan dari luar.

"Rerurai pendaftaran Skim Insurans Am Selangor (INSAN) juga dibuka bagi memudahkan penduduk membuat pendaftaran termasuk PeKa B40," kata Rozana Zainal Abidin pada 9 Februari.

Beliau berkata program itu turut menyediakan khidmat kaunseling kepada individu yang berdepan masalah mental.

Salur maklumat program kebajikan

SHAH ALAM - Program jualan murah barangan asas di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras menjadi medan saluran maklumat baucar Jom Shopping Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Ketua Kampung Melayu Sungai Buloh mewakili pusat khidmat masyarakat itu berkata inisiatif dibuat berikutan ramai belum mengetahui manfaat yang disediakan untuk warga emas berusia 60 tahun ke atas.

"Kita lihat ini peluang terbaik untuk maklumkan golongan sasaran mengenai faedah yang diperoleh seperti pemberian baucar beli-belah bernilai RM150 pada setiap tahun.

"Malah pewaris berdaftar akan menerima bantuan khairat kematian bernilai RM500 dengan syarat ia dibuat dalam tempoh enam bulan selepas penerima meninggal dunia," kata Mohamad@Manan Awang pada 11 Februari.

RM1 juta untuk
Kursi Siddiq Fadzil **5**

Sasar pameran udara
skala besar **6**

Nombor giliran
mudahkan pembeli **8**

RM5 juta pasang
600 lampu solar **19**

Kos kompleks sukan
seiring teknologi **21**

selangorkini

Pemain wanita 13 tahun cipta rekod

SHAH ALAM - Pemain berusia 13 tahun Qaseh Rania Khairul Najib mencipta rekod apabila menjadi pemain paling muda menjangkau gol dalam Liga Super Wanita FAS 2023.

Qaseh Rania yang mewakili MBSJ FC menggegar gawang PJ Kita FC di Radia Arena A, Bukit Jelutong pada 8 Februari. Tiga hari kemudian, beliau turut menyumbang gol ketika menewaskan Negeri Sembilan FA 3-0.

Berjersi nombor lapan, beliau yang bermain posisi penyerang sebelum ini mengikuti program bersama kelab bola sepak divisyen satu Croatia, NK Osijek melalui tajaan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI.

Setakat 14 Februari, Qaseh Rania di tempat keempat senarai penjaring terbanyak, satu gol di belakang Nur Fazira Sani (UiTM FC), Nadia Roslan (Kelana United FC) dan Intan Sarah (Kelana United FC), masing-masing tiga gol.

Aktiviti menarik di Taman Botani Negara

SHAH ALAM - Taman Botani Negara Shah Alam, Seksyen U11 di sini menganjurkan pelbagai kegiatan menarik dan jualan sepanjang musim cuti persekolahan.

Menurut kenyataan, taman berkenaan beroperasi setiap hari antara 18 Februari sehingga 19 Mac mulai jam 7.30 pagi hingga 4.30 petang.

"Antara aktiviti yang disediakan adalah mewarna, boling kelapa, memanah, pasar lambak, permainan ninja warrior, dan banyak lagi," kata pengurusan taman itu di Facebook pada 13 Februari.

Tiket masuk RM1 bagi kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dan warga emas manakala RM3 bagi remaja dan dewasa. Perkhidmatan trem percuma untuk pengunjung.

Filem Mechamoto menang di Tokyo

SHAH ALAM - Filem animasi Mechamoto melakar sejarah memenangi kategori Anime Fan Award di Tokyo Anime Award Festival (TAAF) 2023 pada 9 Februari.

Kejayaan siri terbitan Animonsta Studios (Monsta) diumumkan menerusi laman rasmi TAAF sekali gus menewaskan animasi lain termasuk Tiger & Bunny 2 Part 1 dan Dragon Ball Super: Super Hero.

Menteri komunikasi dan digital mengucapkan tahniah atas kejayaan filem itu menjadi animasi luar Jepun pertama menang anugerah berkenaan.

"Kerajaan akan sentiasa menyokong usaha-usaha industri terutamanya dalam menghasilkan karya berkualiti tanpa mengetepikan nilai tempatan," kata Fahmi Fadzil.



TERUJA...
Pengunjung melihat pelbagai jenis gasing yang dipamer di Muzium Permainan Tradisional, Kuala Selangor pada 14 Februari. Muzium yang mempamer 44 jenis permainan tradisi itu boleh dikunjungi secara percuma sehingga Jun ini.
Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

Tertarik cadangan pembangunan

Anak muda teruja stadium canggih

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) yang dilengkapi pelbagai kemudahan berteknologi tinggi mengujakan ramai anak muda.

Penyokong Red Giants Mohamad Hilmi Khairi Anwar, 24, mengakui tidak sabar untuk menyaksikan projek yang turut meliputi stadium negeri siap sepenuhnya.

"Ketika ini, persekitaran stadium agak kosong dan suram. Kali ini difahamkan ada banyak pembaharuan seperti tapak kendera saji, gelanggang futsal dan tiga jenis padang yang boleh diubah suai.

"Juga ada kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan Transit Aliran Ringan (LRT) yang memudahkan pergerakan orang ramai ke stadium," katanya pada 10 Februari.

Syaziyah Saiful Affendi, 20, berminat dengan reka bentuk awal projek pembangunan kompleks itu yang disifatkan jauh lebih menarik dan tersusun berbanding sedia ada.

"Kalau tengok reka bentuk stadium sekarang banyak kekurangan tetapi pelan yang dicadangkan kali ini sangat menarik terutama ada banyak akses termasuk parkir.

"Parkir sememangnya jadi keutamaan lebih-lebih lagi kalau ada warga emas

atau kanak-kanak yang datang," kata penuntut Universiti Teknologi Malaysia itu.

Nuwa Safia Ridzwan, 20, pula percaya tempat duduk stadium yang dilengkapi sistem penyejukan bakal memberi keselesaan kepada penonton.

"Saya tertarik dengan sistem penyejukan ini kerana kadangkala orang awam yang datang tengok bola terpaksa duduk dalam keadaan panas.

"Dengan adanya sistem ini, orang ramai lebih teruja datang. Individu yang tidak pernah ke stadium juga lebih bersemangat untuk menonton bola sepak atau acara lain," katanya.

Stadium itu juga dijangka menampung kapasiti 35,000 hingga 45,000 tempat duduk dengan dilengkapi ultrasel curva, papan skor elektronik, ruang legar mesra orang kurang upaya dan ruang korporat.

Sukan antara lima muzium baharu

KUALA SELANGOR - Selangor akan memiliki lima muzium yang sedang dibina dan siap dalam tempoh terdekat, kata EXCO kebudayaan dan warisan.

Borhan Aman Shah berkata lima muzium itu ialah Muzium Setem, Muzium Sukan, Muzium Tekstil, Selangor Art Gallery dan Muzium Perlombongan Kapal Korek.

"Semua muzium itu sedang dibina. Sebagai contoh, Selangor Art Gallery ketika ini diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya

(JKR) untuk kerja baik pulih dan ubah suai premis bank lama kepada galeri seni.

"Kita jangka semua muzium itu dapat disiapkan hujung tahun ini atau selewatnya tahun depan," katanya selepas merasmikan Muzium Permainan Tradisional, Bukit Melawati di sini, pada 14 Februari.

Borhan berkata Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) juga giat melaksanakan kerja naik taraf serta baik pulih Muzium Sultan Alam

Shah yang dijangka siap akhir tahun ini.

Beliau berharap PADAT mengikut garis panduan Persidangan Antarabangsa Muzium bagi memainkan peranan dengan lebih berkesan dan pengurusan yang optimum.

"Di samping menyelenggara muzium sedia ada, muzium baru yang bakal diwujudkan juga menjadi penunjuk aras Kerajaan Selangor dalam memelihara sejarah, warisan dan budaya negeri ini," katanya.